

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie, yang akan menamatkan perkhidmatan. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3).

Pupuk budaya keselamatan, utamakan kesejahteraan tenaga kerja

Siaran Akhbar : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Mei.
- Tempat kerja adalah nadi penggerak kepada kemajuan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ia merupakan platform yang memacu inovasi dan menyumbang kepada kemakmuran rakyat serta pembangunan negara.

Justeru itu, persekitaran kerja yang kondusif, selamat dan sihat bukan sahaja menjadi teras kepada kesejahteraan setiap individu yang bekerja, tetapi juga memberi impak yang besar kepada kesejahteraan

keseluruhan negara.

28 April 2025 adalah tarikh memperingati Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2025 Sedunia, pihak Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) ingin menegaskan kembali betapa pentingnya keselamatan dan kesejahteraan tenaga kerja kita.

Ini bukan sekadar satu dasar atau peraturan, tetapi satu keutamaan yang tidak boleh diabaikan atau kompromi.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri Yang Bertanggungjawab Bagi SHENA dalam perutusan sempena Hari Sedunia Bagi Keselamatan Kesihatan di Tempat Kerja 2025.

Yang Berhormat seterusnya berkata, tenaga kerja kita adalah aset negara yang paling berharga, dan kesejahteraan mereka adalah mesti diberikan keutamaan kerana mereka juga adalah kunci kepada masa depan yang produktif, mampan, dan berdaya saing.

>> Muka 5

Memperkukuh keupayaan penjagaan jantung bertaraf antarabangsa

Oleh : Khartini Hamir

JERUDONG, Selasa, 20 Mei. - Gleneagles Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) memperkenalkan pencapaian teknologi terbarunya - Philips Azurion 7 B12/12 Image Guided Therapy Biplane System, yang digabungkan dengan Ultrabunyi Intravaskular Definisi Tinggi (IVUS) dan

Tomografi Koheren Optik (OCT) - mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu institusi perubatan pertama di Asia yang menggunakan platform generasi baharu berkenaan bagi pengimejan dan intervensi kardiovaskular.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pelancaran tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengerusi Gleneagles JPMC.

Turut hadir, ahli-ahli Lembaga Pengarah, pegawai kesihatan dari sektor awam dan swasta, serta pihak pengurusan Gleneagles JPMC.

>> Muka 6



Berita Utama



MEMPERKUKUHKAN pemahaman saintifik, melindungi biodiversiti

Muka 8



12 pelajar sertai Program Sekolah Berkembar NBD, Singapura

Muka 11



SR Tanjong Kindana terima lawatan SIPA, Republik Filipina

Muka 13



INFO Teknologi

MEMAHAMI kegunaan kabel USB

Muka 20



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berucap pada Upacara Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-71, Tahun 2025 yang berlangsung di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara pada Sabtu, 3 Mei 2025.

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah

Pikul amanah dengan cemerlang demi keamanan, kestabilan, keharmonian negara

kurnia dan inayah-Nya jua yang telah mengizinkan kita untuk berkumpul pada pagi ini di Upacara Perbarisan sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Penjara yang Ke-71.

Terlebih dahulu, sukacita peramba / saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pemangku Pengarah Jabatan Penjara dan ahli jawatankuasa sambutan serta seluruh warga Jabatan Penjara atas kesudian menjemput peramba / saya hadir selaku tetamu kehormat pada pagi ini.

Sambutan hari ini adalah bertujuan untuk menghargai sumbangan dan khidmat bakti seluruh warga kerja Jabatan Penjara. Oleh itu, di kesempatan ini, saya mewakili Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh pegawai dan anggota Jabatan Penjara atas khidmat bakti dan komitmen yang telah dicurahkan selama tujuh dekad dalam memastikan peranan jabatan ini sentiasa relevan dan berkesan dalam sistem keadilan dan keselamatan negara.

Peranan penting yang dipikul oleh Jabatan Penjara, iaitu menjaga keselamatan, kawalan serta pelaksanaan program-program pemulihan adalah satu tanggungjawab besar yang memerlukan iltizam dan disiplin serta jati diri yang tinggi. Peramba / saya amat menghargai segala pengorbanan dan sokongan yang diberikan demi menjunjung amanah dan memulihkan banduan agar menjadi insan yang boleh berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Sambutan Hari Penjara pada tahun ini menampilkan kelainan yang signifikan dan merupakan satu mercu tanda penting

apabila telah mendapat kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menggunakan warna baharu bagi Pakaian Khidmat (Service Dress) dan Pakaian Kerja Rasmi berupa Bush Jacket bagi pegawai berpangkat Pegawai Penjara (Pegawai Utama) hingga ke peringkat Pengarah. Manakala bagi pegawai peringkat rendah berpangkat Wadar hingga Sarjan, pemakaian seragam baharu berupa Tuck In juga diperkenalkan. Dengan pengenalan imej baharu ini, diharapkan ianya dapat menyuntik semangat dan meningkatkan tahap profesionalisme, disiplin yang tinggi serta keyakinan diri pegawai dan anggota Jabatan Penjara dalam menjalankan tugas harian mereka.

Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan di negara ini, Jabatan Penjara juga memainkan peranan penting dalam memulihkan banduan dengan memberikan bekalan ilmu melalui pendidikan agama, pembentukan sahsiah diri, disiplin, jati diri dan kemahiran vokasional. Peranan ini menzahirkan kepada masyarakat bahawa Jabatan Penjara sentiasa optimis dalam menjayakan agenda pemulihan agar setiap insan yang pernah terkhilaf mendapat didikan sempurna dan mampu berubah ke arah kehidupan yang lebih baik apabila dibebaskan.

Harapan negara dan masyarakat adalah apabila bekas banduan melangkah keluar dari penjara, mereka tidak lagi berminat untuk masuk semula ke dalamnya. Sesungguhnya, tanamkan dalam jiwa para banduan untuk tidak berputus asa

untuk merubah diri kepada yang lebih baik. Sebagai hamba Allah, kita tidak boleh mengubah masa lalu, tetapi kita boleh mengubah masa depan dengan belajar daripada kesilapan di masa lalu dan bangkit demi kehidupan yang lebih baik. Dalam hal ini, sokongan daripada ahli keluarga dan masyarakat adalah amat penting agar mereka dapat menempuh luku kehidupan dengan lebih baik.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan masyarakat menaruh harapan yang tinggi kepada Jabatan Penjara untuk melaksanakan serta meneruskan usaha-usaha pemulihan yang sedang dan akan dijalankan agar dapat membina bekas banduan yang terlatih serta pulih sahsiahnya. Dalam dunia yang sentiasa berubah dan penuh mencabar ini, pendekatan Jabatan Penjara juga perlu seiring dengan keperluan dan keadaan semasa. Oleh itu, skop dan pelaksanaan program-program pemulihan yang berfokuskan kepada pembangunan sahsiah, latihan kemahiran vokasional dan industri, serta pembinaan rohani dan moral yang sedia ada, perlulah diteruskan dan diperkasakan lagi bagi memastikan keberkesanan proses reintegrasi banduan ke dalam masyarakat. Amanah ini perlu dituai dan ditunaikan dengan sebaiknya agar matlamat untuk melahirkan insan yang berguna dan produktif dapat dicapai melalui program pemulihan yang efektif serta pengintegrasian yang strategik.

>> Muka 12

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASIHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	RABU	23	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
22	KHAMIS	24	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
23	JUMAAT	25	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.42
24	SABTU	26	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43
25	AHAD	27	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43
26	ISNIN	28	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43
27	SELASA	29	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.43	6.29	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	31 24 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar			
33 25 °C	31 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	31 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	31 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mei.gov.bn

SIDANG PENGARANG 21 MEI 2025

Sistem penjagaan kesihatan asasi terus diperkukuhkan

KERAJAAN Negara Brunei Darussalam (NBD) komited terhadap Liputan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage - UHC) melalui sistem kesihatan dengan memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang tidak membebankan kewangan rakyat.

Walau bagaimanapun seperti kebanyakan ahli Komanwel yang lain, NBD juga menghadapi cabaran termasuk peningkatan kos penjagaan kesihatan, peralihan demografi, peningkatan beban penyakit tidak berjangkit (Non Communicable Diseases - NCD), dan keperluan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan kepakaran.

Dalam menghadapinya NBD terus mengukuhkan sistem penjagaan kesihatan asasi dan mempraktikkan pendekatan dasar Health-in-All Policies di samping meneroka mekanisme pembiayaan inovatif yang boleh melengkapkan sistem kesihatan awam tanpa menjejaskan kesaksamaan (*equity*).

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Komanwel Ke-37 (37th Commonwealth Health Ministers Meeting - CHMM37) baru-baru ini di Geneva, Switzerland.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa kerajaan terus melabur dalam tenaga kerja kesihatan melalui perancangan dan penyediaan peluang latihan, serta memanfaatkan teknologi solusi kesihatan digital bagi meningkatkan kecekapan, capaian perkhidmatan dan hasil pesakit (*patient outcomes*).

Mesyuarat yang menghimpunkan Menteri-menteri Kesihatan, perwakilan dan pegawai kanan dari Negara-negara Komanwel antara lain membincangkan kerjasama dalam pembiayaan untuk kesihatan yang lebih inovatif dan mampan.

Perbincangan pula menumpukan dalam pengukuhan sistem kesihatan dan memastikan akses yang adil dan saksama kepada perkhidmatan kesihatan dalam kalangan negara anggota, sesuai dengan tema mesyuarat tahun ini, iaitu 'Melabur dalam Kesihatan : Pembiayaan Mampan untuk Komanwel yang Saksama' (Investing in Health : Sustainable Financing for an Equitable Commonwealth).

Pembiayaan mampan dalam sektor kesihatan amat penting untuk membina sistem yang berdaya tahan dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi jangka panjang. Pelaburan dalam penjagaan kesihatan tidak seharusnya dilihat sebagai perbelanjaan semata-mata, tetapi sebagai asas kritikal kepada kemajuan negara.

Mesyuarat CHMM37 diakhiri dengan persetujuan untuk meluluskan Kenyataan CHMM37 yang menggariskan dasar-dasar utama, cadangan dan komitmen negara anggota Komanwel. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دريتكن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرين ت قلس سندیین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie, yang akan menamatkan perkhidmatan (atas dan bawah kanan).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie, yang akan menamatkan perkhidmatan.

Puan Yang Terutama telah menyerahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Ogos 2024.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman dengan Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie.



KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing dan isteri-isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke negara ini (kiri dan bawah kiri).

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Ogos 2024.

Sementara itu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke NBD, Puan Yang Terutama Eve Lubin juga mengadap Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

PYT Eve Lubin telah menyerahkan Surat-surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Ogos 2024.

Selain itu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi, iaitu Madam Hoda Rajabi; dan isteri kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD, TYT Sun Nahm-kook, iaitu Madam Ha Ji Hoon.



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam hari ini berkenan menerima mengadap daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing dan isteri-isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke negara ini.

Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini menyaksikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap perpisahan daripada Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie, yang akan menamatkan perkhidmatan.

Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie diiringi oleh Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Puan Catherine Pochkhanavala-Cleeve.

PYT telah menyerahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha

DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia



Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi British ke

Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie, yang akan menamatkan perkhidmatan. Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie telah menyebarkan

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie, yang akan menamatkan perkhidmatan (kiri dan kiri sekali).

Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Ogos 2024.

Majlis Mengadap tersebut telah berlangsung pagi tadi di Qashr Al-Meezan.

Berangkat menyertai persembahan muzikal ISB



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Mei. - Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) malam tadi mengadakan persembahan muzikal sulung terbaru bertajuk 'The One Who Lived' bertempat di Teater ISB, di sini.

Berangkat menyertai persembahan muzikal tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Persembahan muzikal berkenaan merupakan adaptasi pentas yang unik dan ditulis secara eksklusif untuk ISB, dengan sedikit inspirasi daripada Harry Potter.

Pementasan yang dibarisi oleh pelakon dan kru pelajar ISB tersebut memberi tumpuan kepada inti pati cerita yang berkisarkan berkaitan persahabatan, keberanian, kasih

sayang dan kekuatan untuk mempertahankan kebenaran.

Pengembaraan muzikal yang menghiburkan berkenaan merupakan penghargaan kepada kisah asal, dengan pendekatan kreatif yang menampilkan perjalanan protagonis wanita bernama Hari Potter, bersama rakan-rakannya dan watak-watak yang dikenali ramai, dalam tahun pertama mereka di sebuah sekolah sihir sehingga ke perlawanan akhir menentang kuasa jahat.

Antara sorotan menarik persembahan ini adalah termasuk aksi kejar-mengejar naga dan kemunculan kuasa jahat, kedua-duanya dihidupkan dengan koreografi yang mengagumkan.

Ketegangan semakin memuncak dengan ancaman kejatuhan sekolah sihir dan kebangkitan tentera gelap, semuanya menuju ke pertempuran epik antara kebaikan dan kejahatan.

Sebanyak empat persembahan dijadualkan bagi 'The One Who Lived', yang mana persembahan seterusnya akan berlangsung pada Rabu, 21 Mei



2025 jam 7.00 malam; Khamis, 22 Mei 2025 jam 3.30 petang; dan Jumaat, 23 Mei 2025 jam 7.00 malam.

"Pementasan ditulis khas untuk ISB, membawa nafas baharu dengan muzik dan tarian di pentas. Tahun ini, kebanyakan pelakon adalah daripada kalangan pelajar muda yang memainkan peranan utama dan menyerlahkan bakat mereka," jelas Ketua Eksekutif dan Pengetua Eksekutif ISB, Dominic Morley.

Katanya, lebih 100 pelajar termasuk kru belakang tabir telah

bekerja keras, seimbang antara latihan, komitmen Federation of British International Schools in Asia (FOBISIA) dan tanggungjawab lain sambil menunjukkan kerjasama dan dedikasi yang luar biasa.

Guru Seni Persembahan ISB dan Pengarah Produksi, Daisy Poad pula berkata, 'The One Who Lived' mengetengahkan semangat keberanian, persahabatan dan keajaiban yang ada dalam diri kita semua.

"Bekerjasama dengan barisan pelakon dan kru yang berbakat ini benar-benar

YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat menyertai persembahan muzikal tersebut (kiri sekali dan kiri).

menggembirakan".

Menurutnya, mereka telah mencurahkan kreativiti, semangat dan jiwa mereka dalam menghidupkan watak-watak ini dan mereka juga menunjukkan semangat sebenar cerita ini iaitu ketabahan, imaginasi dan kerjasama.

Sebagai pengarah, beliau menyaksikan sendiri semangat, keberanian dan komitmen mereka dalam setiap detik produksi berkenaan dan seterusnya mengucapkan terima kasih kerana menyokong seni dan yakin akan kemampuan generasi muda dalam menyampaikan cerita yang penuh bermakna.

Persembahan muzikal itu ditulis khas untuk ISB dan tidak mempunyai sebarang kaitan rasmi dengan francais Harry Potter.



PERSEMBAHAN muzikal sulung terbaru bertajuk 'The One Who Lived' bertempat di Teater Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

PUPUK BUDAYA KESELAMATAN, UTAMAKAN KESEJAHTERAAN TENAGA KERJA

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Menteri Yang Bertanggungjawab Bagi Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dalam perutusan sempena Hari Sedunia Bagi Keselamatan Kesihatan di Tempat Kerja 2025.

>> Muka 1

"Majikan dan pekerja mesti terus bekerjasama untuk memastikan persekitaran kerja yang sentiasa selamat, sihat, dan kondusif.

"Hanya dengan langkah-langkah yang terancang dan komitmen yang teguh, kita dapat mencapai matlamat bersama demi membina sebuah negara yang lebih cemerlang," jelas Yang Berhormat.

Tema Hari Sedunia Bagi Keselamatan Kesihatan di Tempat Kerja 2025 iaitu 'Merevolusikan Kesihatan dan Keselamatan : Peranan AI dan Pendigitalan Di Tempat Kerja' ini, terang Yang Berhormat mencerminkan perubahan mendalam yang sedang melanda pelbagai industri di seluruh dunia.

Dengan kadar penembusan Internet sebanyak 99 peratus setakat Januari 2025 -

menjadikannya tertinggi di Asia Tenggara - NBD berada dalam kedudukan yang amat unik untuk menyambut revolusi ini dengan penuh manfaat, ujar Yang Berhormat.

Sebagai keutamaan dalam agenda kepelbagaian ekonomi, Yang Berhormat seterusnya menggariskan bahawa sektor ICT negara telah menunjukkan pertumbuhan yang luar biasa.

"Sektor ini berkembang daripada hanya 0.1 peratus pada tahun 2019 kepada 15.9 peratus pada tahun 2020, didorong oleh penggunaan pesat pembayaran digital dan e-dagang yang terus mempercepatkan transformasi ekonomi digital negara, khususnya sejak pandemik COVID-19.

"Kejayaan ini memberikan asas kukuh untuk mengintegrasikan kemajuan teknologi ke dalam aspek keselamatan di tempat kerja, sesuai dengan titah terkini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai perjalanan transformatif negara.

"Semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara ke-21, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyentuh perihai Kecerdasan Buatan (AI) dan keupayaannya untuk membuka peluang baharu dalam usaha memperkasakan sumber manusia dan keupayaan negara," tambah Yang Berhormat.

Oleh itu, Yang Berhormat menjelaskan kita kini berada di ambang era baharu yang menjanjikan transformasi mendalam berkaitan dengan cara kita bekerja.

AI dan pendigitalan menawarkan peluang yang besar

untuk meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, walaupun ia membawa cabaran yang mesti ditangani secara proaktif oleh semua pihak berkepentingan," ujar Yang Berhormat.

"Potensi teknologi seperti AI termasuk automasi tugas, pemantauan berasaskan AI yang dapat mengesan keadaan bahaya lebih awal, serta sistem penyelenggaraan ramalan yang dapat mencegah kegagalan peralatan sebelum berlaku.

"Platform digital pula berperanan menyelaraskan latihan keselamatan, menambah baik penilaian risiko, dan memudahkan komunikasi masa nyata, memastikan maklumat keselamatan dapat diakses oleh semua pekerja.

"Walau bagaimanapun, peralihan teknologi ini perlu dilaksanakan dengan berhemah, mengambil kira cabaran seperti privasi data dan risiko kehilangan pekerjaan akibat automasi," terang Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah-langkah penting melalui Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 dan Pelan Transformasi Digital 2023-2027 untuk pendidikan, dengan hasrat mencapai masa depan digital yang maju dan beretika.

Pendekatan ini selaras dengan aspirasi negara ke arah Wawasan Brunei 2035, memastikan teknologi dimanfaatkan secara menyeluruh untuk kesejahteraan tenaga kerja merentasi semua sektor, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan kerjasama yang

perlu antara pihak kerajaan, industri dan pekerja adalah kritikal dalam merealisasikan visi ini.

"Kita mesti terus melabur dalam solusi keselamatan digital yang mengutamakan kesejahteraan pekerja dan memastikan pekerja diberi peluang untuk mengambil bahagian aktif dalam pembangunan dasar berkaitan keselamatan.

"Ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum (BSP) ke-414 dan Brunei Shell Marketing (BSM) ke-192, yang mana baginda telah menegaskan komitmen tinggi negara untuk mengekalkan pialaiaian keselamatan pekerjaan yang terbaik.

"NBD sentiasa komited untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, dengan SHENA terus memainkan peranan utama dalam memperkukuh rangka kerja kawal selia.

"Namun, tanggungjawab ini bukan sahaja terletak pada SHENA, tetapi merupakan

amanah bersama yang melibatkan majikan dan pekerja secara keseluruhan," tegas Yang Berhormat.

Melalui pendekatan integratif ini dan pensejajaran dengan amalan terbaik antarabangsa, Yang Berhormat yakin negara kita akan dapat memastikan tempat kerja yang selamat dan produktif kekal sebagai keutamaan.

Pada masa yang sama, AI dan pendigitalan yang bertanggungjawab akan memainkan peranan penting dalam mencipta persekitaran kerja yang lebih selamat dan sihat untuk manfaat semua, ujar Yang Berhormat.

Dalam mengakhiri perutusan, bersempena Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2025, Yang Berhormat menyeru semua untuk mengukuhkan komitmen bagi membina budaya keselamatan yang mengutamakan kesejahteraan tenaga kerja.

Dengan usaha bersama, kita akan dapat memastikan tempat kerja yang selamat, sihat, dan harmoni, terus menjadi pialaiaian bagi semua sektor.

■ **MAJIKAN dan pekerja mesti terus bekerjasama untuk memastikan persekitaran kerja yang sentiasa selamat, sihat, dan kondusif.**

■ **TEMA Hari Sedunia Bagi Keselamatan Kesihatan di Tempat Kerja 2025 iaitu 'Merevolusikan Kesihatan dan Keselamatan : Peranan AI dan Pendigitalan di Tempat Kerja' mencerminkan perubahan mendalam yang sedang melanda pelbagai industri di seluruh dunia.**

■ **AI dan pendigitalan menawarkan peluang yang besar untuk meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.**

■ **MELALUI pendekatan integratif ini dan pensejajaran dengan amalan terbaik antarabangsa, negara kita akan dapat memastikan tempat kerja yang selamat dan produktif kekal sebagai keutamaan.**

■ **KITA mesti terus melabur dalam solusi keselamatan digital yang mengutamakan kesejahteraan pekerja dan memastikan pekerja diberi peluang untuk mengambil bahagian aktif dalam pembangunan dasar berkaitan keselamatan.**

Mesyuarat ketengahkan kerjasama memangkinkan teknologi AI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

JEJU, REPUBLIK KOREA, Isnin, 19 Mei. - Mesyuarat APEC Ministers Responsible for Trade (MRT) telah diadakan pada 15 hingga 16 Mei 2025 di Jeju, Republik Korea.

Hadir pada mesyuarat yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Republik Korea, Tuan Yang Terutama Inkyo Cheong ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah. Juga hadir, Menteri-menteri Perdagangan dan Ekonomi serta wakil - wakil daripada Ekonomi-ekonomi APEC.

Selaras dengan tema APEC 2025 iaitu 'Building a Sustainable Tomorrow : Connect, Innovate, Prosper', para menteri membincangkan pelbagai langkah kerjasama untuk memangkinkan penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam bidang perdagangan seperti aplikasi AI dan perkongsian maklumat standard dalam bidang tarif dan kastam, pembaharuan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan peranan APEC dalam sistem perdagangan pelbagai hala serta langkah-langkah untuk usaha sama dalam mewujudkan rantaian bekalan yang mampan, termasuk tindak balas terhadap krisis iklim.

Semasa sesi-sesi tersebut, Yang Berhormat telah berkongsi beberapa pandangan. Antaranya ialah berkongsi usaha Negara

Brunei Darussalam (NBD) dalam membangunkan strategi kebangsaan AI dan mengintegrasikan AI ke dalam sektor seperti kesihatan.

NBD selanjutnya menekankan sikap berhati-hati terhadap jurang peraturan, perlindungan privasi data dan penerimaan teknologi digital yang inklusif bagi memastikan pertumbuhan yang saksama di seluruh rantau APEC.

Selain itu, menggariskan kepentingan untuk mempertahankan sistem perdagangan pelbagai hala dengan WTO sebagai terasnya dan bagi APEC untuk menyokong usaha - usaha WTO dalam menghasilkan keputusan pada Persidangan Menteri WTO Ke-14 pada tahun hadapan, termasuk memulihkan sistem penyelesaian pertikaian yang berfungsi sepenuhnya.

NBD juga menggesa APEC untuk menyumbang kepada usaha WTO dengan memupuk dialog dan penyelesaian inovatif dan Menekankan kepentingan untuk memperkukuh kerjasama serantau bagi meningkatkan daya tahan rantaian bekalan memandangkan ketidakpastian global yang semakin meningkat serta menyatakan sokongan terhadap inisiatif APEC untuk memodenkan sistem rantaian bekalan, memudahkan perdagangan dan memastikan rantaian bekalan kekal tangkas, inklusif dan responsif terhadap



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa hadir pada Mesyuarat APEC Ministers Responsible for Trade (MRT) yang diadakan pada 15 hingga 16 Mei 2025 di Jeju, Republik Korea.

cabaran semasa dan masa hadapan.

Pada mesyuarat tersebut, Yang Berhormat telah mengadakan perjumpaan bersama Minister for Sustainability and the Environment and Minister-in-Charge of Trade Relations Republik Singapura, Puan Yang Terutama Grace Fu Hai Yien.

Kedua - dua Menteri mengesahkan hubungan erat dan yang telah lama ditubuhkan antara kedua-dua buah negara, melahirkan kebimbangan bersama mengenai peningkatan tindakan perlindungan (*protectionism*) dan menggariskan kepentingan untuk menjunjung tinggi sistem perdagangan pelbagai hala berasaskan peraturan.

Perbincangan juga tertumpu

kepada mendalami kerjasama serantau melalui platform seperti ASEAN dan APEC serta meneroka peluang kerjasama baharu, terutamanya dalam bidang tenaga dan kemampunan.

Yang Berhormat juga adakan perjumpaan bersama Ketua Pengarah WTO, Puan Ngozi Okonjo-Iweala.

Mesyuarat MRT APEC diadakan setiap tahun dan menghimpunkan Menteri-menteri Perdagangan dan Ekonomi daripada Ekonomi-ekonomi APEC untuk membincangkan cara-cara mengukuhkan kerjasama perdagangan dan ekonomi serantau.

Menteri-menteri dan wakil-wakil CPTPP telah mengadakan perjumpaan pada 16 Mei 2025 di

Jeju di Mesyuarat MRT APEC.

Para Menteri menggariskan kepentingan untuk memajukan kerja-kerja General Review bagi mengemas kini dan meningkatkan usaha CPTPP dan mengalu-alukan kemajuan yang dicapai dalam proses penyertaan Costa Rica. Para Menteri juga memutuskan untuk mengadakan dialog secepat mungkin dengan Kesatuan Eropah dan ASEAN, pada tahun 2025.

Turut hadir pada mesyuarat-mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin serta pegawai-pegawai lain daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Memperkukuh keupayaan penjagaan jantung bertaraf antarabangsa



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Sistem berteknologi tinggi berkenaan meletakkan Gleneagles JPMC di barisan hadapan dalam terapi berpanduan imej di rantau ini.

Ia merupakan antara pusat terpilih di dunia yang menawarkan platform mengintegrasikan IVUS dan OCT definisi tinggi iaitu dua teknologi pengimejan intravaskular paling canggih, dalam satu 'interface' yang meningkatkan aliran kerja makmal kateterisasi.

Naik taraf sistem baharu ini turut memperkukuh komitmen hospital untuk terus meningkatkan standardnya sebagai pusat jantung terkemuka.

Sistem biplane tersebut menampilkan dua pengesan

bersaiz 12 inci yang memberikan kejelasan pengimejan luar biasa dari pelbagai sudut, membolehkan ketepatan yang lebih tinggi dan hasil yang lebih baik dalam prosedur kardiologi intervensi dan elektrofisiologi yang kompleks.

Kawalan skrin sentuh intuitif di sisi meja juga meningkatkan aliran kerja, mengurangkan kelewatan, dan membolehkan pakar klinikal membuat keputusan lebih pantas dan tepat secara masa nyata.

Dalam ucapan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay, beliau menekankan bahawa sistem biplane baharu ini meningkatkan keupayaan untuk melaksanakan prosedur berpanduan imej secara invasif minimum serta mengurangkan keperluan untuk



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi Gleneagles JPMC ketika merasmikan pelancaran Philips Azurion 7 B12/12 Image Guided Therapy Biplane System (atas dan atas kanan).

pembedahan terbuka serta membantu pesakit pulih lebih cepat, dengan kurang ketidakselesaan dan risiko.

Tambahnya, ia juga menyokong komitmen hospital terhadap keselamatan, dengan menawarkan imej berkualiti tinggi sambil mengurangkan pendedahan radiasi kepada pesakit dan kakitangan.

"Ini bukan sekadar satu naik taraf, ia merupakan lonjakan transformasi dalam cara kami menyampaikan penjagaan jantung.

"Kami berbangga menjadi antara makmal jantung terawal di Asia yang menawarkan tahap teknologi pengimejan canggih ini," tambah beliau.

Pada tahun 2024 sahaja, Gleneagles JPMC telah mengendalikan seramai 1,915 pesakit dari dalam dan luar negara, dengan jumlah sebanyak 3,979 prosedur merangkumi pelbagai disiplin; 2,111 prosedur koronari; 1,000 prosedur pengimejan; 135 implantasi peranti; 121 ablasi elektrofisiologi; 65 intervensi struktur jantung dan

476 kes periferai.

Angka ini menggambarkan reputasi Gleneagles JPMC sebagai pusat jantung berprestasi tinggi dan kini, beroperasi dengan teknologi *biplane* paling canggih di rantau ini.

Pelancaran Philips Azurion 7 B12/12 ini bukan sekadar naik taraf teknologi, ia merupakan penegasan semula komitmen teguh Gleneagles JPMC untuk menyediakan penjagaan jantung bertaraf dunia dan berfokuskan pesakit, di Brunei dan peringkat antarabangsa.

PERASMIAN EKSPEDISI HUTAN KE TERUMBU KARANG BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Mei. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Penyelidikan (IBER) Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Poni Group Sdn. Bhd. menganjurkan Ekspedisi Hutan ke Terumbu Karang Brunei Darussalam bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2025.

Majlis Perasmian Ekspedisi Hutan ke Terumbu Karang Brunei Darussalam disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku tetamu kehormat yang

berlangsung di Mangrove Paradise Resort, hari ini.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar, Pemangku Pengarah Perhutanan, Pemangku Pengarah Perikanan, Penolong Naib Canselor UBD, Ketua Pegawai Eksekutif Poni Group Sdn. Bhd., ketua-ketua jabatan serta wakil-wakil dari pelbagai agensi kerajaan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Tingkat I, Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud, diikuti dengan upacara pelepasan rasmi bagi Ekspedisi Hutan ke Terumbu Karang Brunei Darussalam.

Ekspedisi tersebut akan diadakan selama seminggu bermula hari ini hingga 25 Mei 2025, dengan menumpukan kajian terhadap kepelbagaian biodiversiti hutan paya bakau di Pulau Selirong serta ekosistem marin di perairan Pulau Pelong-Pelongan.

Kumpulan penyelidik adalah terdiri daripada pakar-pakar tempatan UBD manakala penyelidik antarabangsa adalah daripada ASEAN Centre for Biodiversity (ACB), Center for Ocean Plastic Studies dari Universiti Kyushu, Jepun, Jejakin dari Indonesia, Sabah Wetlands dan ADS Environmental Services dari Malaysia.

Antara objektif ekspedisi saintifik ini diadakan adalah untuk mengumpul data ekologi yang terkini serta mendokumentasikan biodiversiti secara keseluruhan di Pulau Selirong dan Pulau Pelong-Pelongan.

Maklumat ini amat penting untuk memacu usaha pemuliharaan yang lebih terarah dalam melindungi habitat penting dan yang mudah terdedah kepada ancaman.

Selain itu, data asas yang dikumpul akan memainkan peranan penting dalam menilai tahap kesihatan dan kestabilan ekosistem ini dalam jangka masa panjang di samping membantu mengenal pasti ancaman yang semakin ketara seperti kemerosotan habitat, pencemaran alam dan kesan perubahan iklim.

Tujuan ekspedisi ini adalah untuk menyatukan pakar-pakar dan penyelidik, tempatan serta antarabangsa bagi bertukar-tukar pengetahuan, berkongsi amalan terbaik dan mengeratkan kerjasama dalam pengurusan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Ekspedisi Hutan ke Terumbu Karang Brunei Darussalam (atas dan kiri).

ekosistem yang saling berkaitan dari hutan hingga terumbu karang.

Penemuan-penemuan saintifik daripada ekspedisi ini akan memberi sumbangan kepada pengukuhan rangka kerja pemuliharaan biodiversiti Brunei Darussalam, menyokong pertumbuhan ekonomi biru (blue economy) dan meneroka industri ekopelancongan sebagai satu laluan ke arah pembangunan mampan.

Penemuan-penemuan ini akan dibentangkan di Persidangan Hutan ke Terumbu Karang Brunei Darussalam, yang dijadualkan akan berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hutan paya bakau, terumbu karang dan rumpai laut sering ditemui berdekatan antara satu

sama lain dan berfungsi sebagai satu ekosistem yang saling bergantung bagi memastikan kestabilan dan kesihatan zon pesisir.

Habitat ini penting untuk perlindungan, pembiakan serta sumber makanan bagi ribuan spesies dalam rantai makanan marin dan hutan. Namun begitu, kurangnya maklumat yang lengkap dan terkini mengenai kedua-dua kawasan ini, khususnya ekosistem marin Pulau Pelong-Pelongan, menimbulkan kebimbangan.

Ancaman seperti pembukaan hutan dan peningkatan paras air laut boleh mendatangkan risiko tinggi terhadap biodiversiti kawasan tersebut, justeru tindakan segera dalam bentuk penyelidikan dan pemuliharaan amat diperlukan.

PELANCARAN PAMERAN JEJAK WAKTU : KISAH DARI ARTIFAK



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan pelancaran pameran (kiri). Sementara gambar kanan, Yang terhormat semasa menyaksikan pameran berkenaan.

peranan muzium dalam memelihara warisan budaya dan sejarah dunia.

Menurutnya, pada Pameran Jejak Waktu : Kisah Dari Artifak tersebut, seramai tujuh kolektor individu yang dijemput khas untuk mengikuti pameran itu dan setiap individu mempamerkan artifak yang berlainan mengikut tema koleksi masing-masing.

Pameran itu, tambahnya, bertujuan mengetengahkan koleksi-koleksi mereka, sebagai tanda penghargaan terhadap usaha mereka dalam bersama-sama memelihara artifak berharga yang mencerminkan identiti serta warisan budaya Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Selaras dengan tema rasmi Hari Muzium Antarabangsa tahun ini, 'Masa Depan Muzium Dalam Komuniti Yang Berubah Dengan Pesat', pameran ini diharapkan dapat memperkukuh kesedaran masyarakat mengenai nilai sejarah dalam koleksi peribadi, serta memupuk rasa tanggungjawab untuk terus memelihara warisan agar dapat dikongsi dan diwarisi oleh generasi akan datang," jelasnya.

Sementara Yang Dipertua Persatuan Sejarah dan Pengumpul Artifak Brunei, Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menerangkan bahawa koleksi membantu memelihara warisan sebagai pusaka untuk generasi akan



datang, terutamanya bagi kita dalam mewariskan Melayu Islam Beraja satu cara hidup yang telah wujud selama ratusan tahun.

Koleksi boleh menceritakan kisah tentang sejarah dan teknologi serta meningkatkan kemahiran penduduk negara. Koleksi merupakan bukti sejarah dan budaya - gema sejarah dan budaya lama kepada dunia baharu masa kini.

"Namun, terdapat cabaran yang perlu dihadapi. Tidak ramai yang menghargai kepentingan dan nilai artifak-artifak ini. Ia sama ada ditinggalkan, dijual kepada pengumpul asing atau dianggap sekadar hiasan tanpa memahami sejarah dan nilai sebenarnya," tegasnya.

Adapun pameran berkenaan diadakan selama tiga bulan bertempat di Ruang Lobi, Muzium Teknologi Melayu bermula hari ini hingga 27 Ogos 2025.

Selain itu, Jabatan Muzium-muzium juga akan mengadakan Forum Siri Bicara Budaya di Ruang Lobi, Muzium Teknologi Melayu pada Khamis ini sebagai usaha menyediakan platform bagi kolektor artifak dan pegawai jabatan untuk mengongsikan pengalaman dalam

penyimpanan, pemeliharaan dan pembaikan bahan-bahan.

Forum ini sebagai platform kepada para kolektor untuk berkongsi pengalaman mereka, manakala salah seorang Pegawai Pemeliharaan daripada Bahagian Pemeliharaan dan Pembaikan, Jabatan Muzium-muzium untuk membincangkan usaha - usaha pemeliharaan dan pemulihan bahan artifak.

Adanya usaha seumpama ini diharap akan dapat memberikan pendedahan dalam penjagaan warisan *kitani* di NBD.

Pameran Jejak Waktu : Kisah Dari Artifak bertujuan meningkatkan kesedaran awam tentang nilai sejarah koleksi peribadi, dan dalam masa yang sama memupuk tanggungjawab kolektif dalam memelihara warisan negara untuk generasi akan datang.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Luar Negara di NBD, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ahli-ahli Lembaga Muzium, ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium-muzium.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SEI BEGAWAN, Isnin, 19 Mei. - Jabatan Muzium-muzium melalui Bahagian Etnografi mengadakan Pameran Jejak Waktu : Kisah Dari Artifak bersempena Hari Muzium Antarabangsa 2025 dan sambutan hari berkenaan diraikan pada tanggal 18 Mei setiap tahun.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Pameran yang berlangsung di Ruang Legar, Muzium Teknologi Melayu di sini disempurnakan oleh Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Terdahulu Pemangku Pengarah Muzium-muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus selaku pengerusi majlis dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan setiap tahun pada 18 Mei merupakan acara tahunan bertaraf global bagi menghargai



Penerbangan terakhir bakal jemaah haji tiba di Madinah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

MADINAH, Isnin, 19 Mei. - Penerbangan keempat dan terakhir bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menggunakan pesawat

Diraja Brunei (RB) BI4207 membawa seramai 230 orang selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammad bin Abdulaziz,



Madinah pada pukul 2.49 petang waktu Madinah.

Rombongan keempat termasuk pegawai-pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan) dan Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB).

Hadir bagi menyambut ketibaan bakal jemaah haji NBD ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi di Riyadh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid dan isteri serta Pemangku Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah, Awang Haji Farhan bin Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani dan isteri.

Turut hadir, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran); Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), Dr. Haji Aziman bin Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Yaakub dan



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Arab Saudi di Riyadh hadir menyambut ketibaan bakal jemaah haji negara (atas). Sementara gambar bawah kiri, antara bakal jemaah haji yang menggunakan pesawat Diraja Brunei (RB) BI4207.

pegawai - pegawai Pejabat (Pentadbiran dan Perubatan) serta Urusan Jemaah Haji NBD dari Syarikat DSSB.

Memperkukuhkan pemahaman saintifik, melindungi biodiversiti

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam berkenaan (atas) dan seterusnya bergambar ramai.



KOTA BATU, Isnin, 19 Mei. - Para penyelidik tempatan dan antarabangsa yang akan menyertai Ekspedisi Hutan ke Terumbu Karang Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Expedition on Forest to Reef) bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2025 diraikan pada Majlis Makan Malam bertempat di Mangrove Paradise Resort, di sini.

Majlis Makan Malam tersebut adalah bagi mengalu-alukan penyertaan dan memberikan penghargaan kepada penyelidik-penyelidik yang mengikuti ekspedisi berkenaan yang bakal berlangsung selama seminggu dari 19 hingga 25 Mei 2025.

Ekspedisi ini dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan, dengan kerjasama Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar

(IBER), Universiti Brunei Darussalam (UBD) serta Poni Group Sdn. Bhd.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam berkenaan ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab.

Dalam ucapannya, Dayang Hajah Tutiatiy menyatakan, ekspedisi ini melambangkan langkah penting dalam usaha berterusan KSSUP untuk meneroka, memahami dan melindungi alam semula jadi.

"Matlamat kami adalah untuk mengumpul data saintifik dan mendedahkan penemuan baharu dari tapak kajian melalui penyelidikan pelbagai disiplin oleh pakar tempatan dan antarabangsa.

"Hasil ekspedisi akan dikongsi melalui penerbitan kertas saintifik dan jurnal untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan dan memupuk pemahaman yang lebih mendalam.

"Melalui usaha kerjasama ini,

kami menyasarkan untuk meluaskan pemahaman tentang biodiversiti di hutan bakau Pulau Selirong dan ekosistem akuatik di sekitar Pelong Rocks.

"Kami juga berhasrat untuk meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai hab terkemuka untuk penyelidikan biodiversiti merangkumi ekosistem daratan, akuatik dan marin," ujarnya.

Ekspedisi ini tambahnya, akan menyumbang kepada pembangunan strategi pemuliharaan yang teguh dengan menonjolkan hubungan ekologi kritikal antara darat dan laut, sekali gus akan mengukuhkan keupayaan untuk melindungi ekosistem ini untuk generasi akan datang.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Penolong Naib Canselor UBD, Ketua Pegawai Eksekutif Poni Group Sdn. Bhd.,

ketua-ketua jabatan serta para penyelidik.

Ekspedisi ini mencerminkan komitmen bersama dalam usaha memperkukuhkan pemahaman saintifik dan pada masa yang sama melindungi biodiversiti. Matlamat ekspedisi ini adalah untuk meningkatkan kerjasama, berkongsi ilmu pengetahuan serta mengukuhkan jaringan antara para penyelidik dan pihak berkepentingan lain, bagi meneroka ekosistem, dari kanopi hutan hingga ke habitat terumbu karang yang kaya dengan kepelbagaian biologi.

Ekspedisi ini akan dijalankan di hutan paya bakau Pulau Selirong serta terumbu karang di sekitar perairan Pulau Pelong-Pelongan. Antara aktiviti penyelidikan lapangan yang akan dijalankan di hutan paya bakau Pulau Selirong ialah penilaian biodiversiti flora dan fauna, pengukuran parameter utama yang berkaitan dengan peranan hutan paya bakau dalam penyimpanan karbon serta

fungsinya sebagai kawasan pembiakan penting bagi pelbagai spesies ikan dan hidupan marin lain. Usaha ini juga adalah bertujuan bagi mengemas kini maklumat biodiversiti negara yang komprehensif bagi menyokong strategi dan usaha pemuliharaan yang berkesan untuk ekosistem hutan paya bakau. Selain itu, kajian saintifik di Pulau Pelong-Pelongan antaranya akan menilai kehadiran dan jumlah mikro dan makroplastik dalam ekosistem terumbu karang. Penyelidikan ini dijangka akan dapat menyumbang kepada pengukuhan strategi pengurusan dan pemuliharaan marin negara serta menyokong matlamat kemampanan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Penemuan daripada ekspedisi ini akan dibentangkan dalam Persidangan Hutan ke Terumbu Karang Brunei Darussalam yang dijadualkan berlangsung dari 17 hingga 19 Jun 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa,

KERJASAMA PSABD, ASTM MEMACU INOVASI, MEMPERTINGKATKAN STANDARD KEBANGSAAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Mei. - Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) baharu di antara Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (PSABD) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan ASTM International adalah visi bersama dalam memajukan infrastruktur kualiti bagi menyokong pembangunan yang mampan, pertumbuhan ekonomi dan menjaga kebajikan awam.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengarah PSABD di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayangku Hajah Nadiah Annasyitah binti Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar dalam ucapan alu-aluannya semasa Majlis Penandatanganan MoU PSABD, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan ASTM yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, di sini.

Dalam memupuk kualiti tersebut tambahnya, ia dapat membantu dalam menggunakan dan memanfaatkan kepakaran ASTM International dalam pembangunan

piawai, memperkukuhkan kerjasama melalui pembangunan kapasiti dan inisiatif pertukaran teknikal serta menyelaras lagi objektif negara dalam memastikan kesihatan, keselamatan dan perlindungan alam sekitar adalah terjamin.

Jelasnya lagi, MoU itu menandakan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi kemajuan ke arah inovasi dan kemampanan untuk mencapai kecemerlangan dalam ekosistem infrastruktur kualiti.

Sementara itu, Pengarah Outreach Asia di ASTM International, Elvin Chia, dalam ucapannya juga menyatakan sentimen yang sama serta menekankan visi bersama dalam memupuk keterangkuman, kesihatan dan keselamatan awam, kecemerlangan serta meningkatkan kualiti hidup secara menyeluruh melalui penyeragaman.

Melalui kerjasama tersebut katanya, NBD berhasrat bukan sahaja untuk memperkukuhkan piawai kebangsaannya, malah untuk memperkukuhkan

kedudukannya sebagai pemain yang berdaya saing dan berdaya tahan di pasaran global.

MoU ini menurutnya, dijangka akan menjadi pemangkin kepada kemajuan, membuka peluang perdagangan baharu, serta menyokong pembangunan mampan jangka panjang sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

PSABD di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan ASTM International secara rasmi telah memperbaharui MoU, menandakan pencapaian penting dalam usaha NBD untuk memacu inovasi, kualiti, dan kemampanan melalui peningkatan standard kebangsaan.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penandatanganan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, selaku Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (MSABD).

Manakala, menandatangani bagi pihak ASTM International ialah



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) baharu di antara Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (PSABD) dan ASTM International diwakili oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Elvin Chia.

Elvin Chia.

Penandatanganan MoU ini menandakan usaha kerjasama antara PSABD dan ASTM International dalam memperkukuhkan kualiti infrastruktur serta penyelarasan Piawai Brunei Darussalam dengan amalan terbaik antarabangsa.

MoU asal yang dimeterai pada tahun 2010 dengan Kementerian Pembangunan memberi tumpuan kepada industri pembinaan.

Di bawah panduan MSABD, PSABD kini menerajui usaha penyeragaman standard Brunei, dan perjanjian yang diperbaharui tersebut mencerminkan skop yang lebih komprehensif bagi menangani keperluan pelbagai sektor, iaitu antara lainnya sektor tenaga, pembuatan, dan

keselamatan awam.

Antara faedah yang dapat diperolehi daripada pembaharuan MoU berkenaan adalah akses kepada standard-standard ASTM, keahlian dalam komiti teknikal ASTM dan peluang-peluang pembangunan kapasiti.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim, selaku Timbalan Pengerusi MSABD; ahli dan wakil ahli kepada MSABD, wakil dari Komiti Standard Kebangsaan, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan pelbagai agensi kerajaan serta Badan-badan Penilai Pematuhan (CAB).

KEFAHAMAN MAQASID MEMELIHARA AKAL MENURUT AL-QURAN



TUTONG, Isnin, 19 Mei. - Kepentingan akal dalam memperkembangkan potensi diri seseorang merupakan wadah utama yang perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa ke arah pembentukan modal insan yang berkualiti dari semua sudut duniawi dan ukhrawi.

Dengan mengaplikasikan Maqasid memelihara akal, maka potensi akal dapat diperkembangkan secara yang lebih konstruktif. Hal ini merupakan antara kunci yang menjadi faktor kebangkitan sesebuah negara dalam mendepani cabaran global yang menjadi tanda aras kemajuan

negara.

Perkara tersebut merupakan inti pati yang diutarakan dalam Jerayawara Penghayatan Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah bagi Daerah Tutong yang diadakan bertempat di Dewan Besar, Ma'had Islam Brunei, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin

Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai; Pemangku Ra'ies Kolej Ugama Perguruan Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad; pegawai-pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai utama KUPU SB; pegawai dan kakitangan kerajaan; para guru dan penuntut-penuntut sekolah.

Jerayawara bertemakan 'Aplikasi Maqasid Memelihara Akal Dalam Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Quran' itu mengetengahkan tiga ahli panel iaitu Profesor Madya Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan KUPU SB, Profesor Madya Dr. Muhammad Zahir bin Awang Mat; Profesor Fakulti Syariah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato' Dr. Haji Zulkifli bin Haji Muda dan Profesor Madya Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah KUPU SB, Profesor Madya Dr. Muhammad Yusuf Khalid.

Jerayawara dipengerusikan oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd. Jaya bin Haji



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Jerayawara Penghayatan Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah bagi Daerah Tutong. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas). Manakala gambar atas kiri, tiga ahli panel menyampaikan jerayawara berkenaan dengan tema 'Aplikasi Maqasid Memelihara Akal Dalam Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Quran'.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Alishahrin Haji Mumin

Metusin.

Jerayawara kelolaan Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah KUPU SB dan Jabatan Daerah Tutong, KHEDN dengan kerjasama UNISSA ini antara lain bertujuan menjelaskan kefahaman Maqasid memelihara akal menurut Al-Quran, di samping meningkatkan kesedaran

masyarakat tentang kepentingan mengapikasi Maqasid memelihara akal dalam pembangunan modal insan menurut Al-Quran.

Jerayawara turut diserikan dengan pameran daripada Pasukan Polis Diraja Brunei dan Bahagian Penguatkuasaan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU.

39 peserta Program CBDRM diraikan



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup program berkenaan dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Mei. - Seramai 39 peserta telah diraikan pada Majlis Penutup yang menandakan berakhirnya Program Community-Based DisasterRisk Management (CBDRM) Mukim Kilanas dilaksanakan selama dua hari bermula 15 hingga 17 Mei bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas (Bengkurong), baru-baru ini.

Majlis tersebut meraikan pencapaian program dan menghargai penyertaan aktif dan komitmen penduduk kampung Mukim Kilanas dalam meningkatkan kesiapsiagaan dan kedayatahan bencana dengan menyertai Program CBDRM yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan agensi-agensi berkepentingan dalam pengurusan bencana di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM),

Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Majlis dimulakan dengan ucapan wakil peserta program yang disampaikan oleh Ketua Kampung Bunut Perpindahan Mukim Kilanas, Awang Mohd. Khairoul Johani bin Haji Jumat yang mana menekankan pentingnya penglibatan masyarakat kampung dalam pengurusan bencana di negara ini.

Dalam ucapan beliau juga menyatakan bahawa Program CBDRM yang dianjurkan ini banyak memberi manfaat kepada penduduk kampung terutama terlibat masa dalam pengurusan bencana di negara ini yang mana segala ilmu dan kemahiran yang diperoleh dapat diaplikasikan bagi membantu pihak kerajaan membina masyarakat berdaya tahan bencana.

Kemudian majlis diteruskan lagi dengan penyampaian sijil penyertaan dan sijil penghargaan kepada para peserta dan fasilitator

program yang terlibat termasuk Ahli Disaster Preparedness Coordinator (DPC) NDMC oleh tetamu kehormat.

Selain itu, penyerahan perkakas memadam kebakaran juga turut diadakan yang mana penyerahannya telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada Ketua Kampung Tasek Meradun, Awang Ahmad Hussaini bin Haji Mohsin mewakili Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Mukim Kilanas yang disaksikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Haji Nohi Irwan Surkarki bin Haji Pawi.

Bagi memberkati majlis, Doa Penutup dibacakan oleh Pemangku Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Talib bin Haji Abu Bakar.

Program CBDRM ini telah direka bentuk sejak tahun 2010 pelaksanaannya dengan tujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat dan memperkasakan masyarakat dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengurus dan

mengurangkan risiko bencana dengan berkesan.

Sepanjang program, para peserta berpeluang mendengar taklimat yang disampaikan oleh agensi-agensi berkepentingan dalam pengurusan bencana yang memfokuskan kepada fungsi dan peranan dalam menangani kejadian banjir.

Agensi-agensi tersebut ialah NDMC, Jabatan DBM, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Pejabat Perubahan Iklim Brunei Darussalam (BCCO), Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kerja Raya, Bahagian Salian dan Pembedungan, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI), Jabatan Kerja Raya, Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik (BKTKS).

Selain itu, para peserta juga terlibat dalam sesi latihan praktikal iaitu Table-Top Exercise (TTX) Disaster Do's & Don'ts, Town-Watching & Hazard Mapping yang dianjurkan oleh pihak NDMC serta latihan praktikal tatacara

menyelamat dan memadam kebakaran yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Latihan praktikal ini bertujuan untuk mengukuhkan keupayaan masyarakat untuk bertindak balas terhadap bencana dan keemasan dengan mengambil tindakan yang betul dan selamat.

Kejayaan Program CBDRM kali ini yang bukan sahaja dihadiri oleh para penduduk kampung di Mukim Kilanas, ia juga telah dihadiri oleh pemimpin akar umbi dalam kalangan Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung di mukim berkenaan. Ini menggambarkan keprihatinan dan kesiapsiagaan masyarakat dalam menangani cabaran bencana masa depan untuk membina masyarakat yang berdaya tahan dan bersiap sedia menghadapi bencana dan sebarang kecemasan.

Turut hadir, Timbalan Pengarah NDMC serta para pegawai dan kakitangan dari agensi-agensi berkepentingan dalam pengurusan bencana di negara ini seperti Jabatan DBM dan JBP.

Bila Akad Pinjaman Berakhir?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selamat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MEMBERI pinjaman adalah suatu perkara yang diharuskan malah dianjurkan kerana hajat dan keperluan manusia kepada pinjaman. Memberi pinjaman itu dilakukan tanpa meminta sebarang imbalan atau bayaran. Hukum asal memberi pinjaman adalah sunat dan termasuk dalam perkara tolong-menolong dalam perkara kebaikan berdasarkan firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan. (Surah al-Ma'idah: 2)

Pada dasarnya, seseorang tidak dibenarkan untuk memanfaatkan suatu harta milik orang lain kecuali dengan keizinan dan keredhaan pemiliknya. Jika seseorang berhajat untuk memanfaatkan suatu harta orang lain melalui pinjaman, maka disyaratkan dengan lafaz yang menunjukkan keizinan untuk memanfaatkan barang yang dipinjam. Lafaz keizinan tersebut sama ada lafaz daripada pemilik yang menunjukkan keizinannya kepada orang tertentu (peminjam) untuk memanfaatkan barang yang dipinjam atau lafaz daripada peminjam meminta keizinan daripada pemilik suatu barang untuk memanfaatkan barang yang dipinjam.

Akad pinjaman dengan perbuatan semata-mata tanpa sebarang lafaz dari pemilik dan peminjam adalah tidak memadai. Sungguhpun demikian, akad pinjaman memadai dengan lafaz daripada satu pihak sahaja, manakala pihak yang satu lagi memadai dengan perbuatan. Contohnya setelah peminjam meminta keizinan secara lafaz untuk meminjam sesuatu, lalu pemiliknya pun menyerahkan barang miliknya itu kepada peminjam untuk digunakan, atau setelah pemilik memberi keizinan kepada peminjam secara lafaz, lalu peminjam pun mengambil barang yang dipinjam tersebut untuk digunakan.

Akad pinjaman juga sah menggunakan tulisan dengan syarat disertai niat dan sah dengan isyarat yang difahami bagi orang bisu.

Mengenai dengan pinjaman ini, sebahagian orang yang meminjam

sesuatu dari orang lain kurang mengambil berat untuk mengembalikan barang yang dipinjamnya setelah dimanfaatkannya sehingga adakalanya tidak dikembalikan langsung dan orang yang meminjamkan lupa akan barang yang dipinjamkannya. Persoalan yang timbul bila akad pinjaman itu berakhir menurut hukum syara'? Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Akad pinjaman harus dilakukan sama ada dengan menyebut tempoh tertentu atau tidak. Asy-Syaikh Ibrahim al-Bajuri Rahimahullah dalam kitabnya Hasyiah al-Bajuri menyatakan:

Ertinya: Dan harus (akad) pinjaman secara mutlak tanpa ikatan dengan waktu dan (adalah juga harus akad pinjaman) terikat dengan suatu tempoh iaitu waktu seperti (pemberi pinjam berkata): "Aku pinjamkan kepadamu baju ini selama satu bulan."

Jika suatu akad pinjaman itu berakhir, maka wajib ke atas peminjam untuk mengembalikan barang yang dipinjam kepada pemiliknya. Jika pemulangan barang yang dipinjam itu memerlukan biaya, maka wajib ke atas peminjam menanggung biayanya. Perkara ini berdasarkan keumuman hadits daripada Samurah bin Jundub Radhiallahu 'anhu bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Ke atas tangan itu (tanggungjawab) apa yang ia ambil sehingga ia kembalikannya.

(Hadits riwayat al-Hakim)

Menurut al-Mubarakfuri Rahimahullah dalam kitabnya Tuhfah al-Ahwadzi, maksud tangan dalam hadits di atas ialah orang yang melakukan perbuatan mengambil. Dalam perkara pinjaman, tangan yang mengambil itu ialah peminjam.

Oleh yang demikian, perlu diketahui bahawa terdapat beberapa perkara yang menyebabkan akad pinjaman berakhir yang menyebabkan peminjam wajib mengembalikan barang yang dipinjam kepada pemiliknya, antaranya ialah:

1. Tamat tempoh pinjaman

Akad pinjaman yang terhad dengan tempoh tertentu, maka ia berakhir apabila tempoh yang ditentukan itu tamat.

2. Pemilik atau peminjam membatalkan akad pinjaman

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah, dalam akad pinjaman

secara mutlak dan bertempoh, setelah barang yang dipinjam diterima (qabdh) oleh peminjam, maka pemilik berhak untuk menarik balik atau membatalkan akad pinjaman tersebut dan pemilik juga berhak meminta semula barang yang dipinjamnya pada bila-bila masa sahaja yang dikehendakinya dengan syarat tidak menimbulkan mudarat kepada peminjam.

Demikian juga dengan peminjam. Peminjam berhak untuk menarik balik atau membatalkan akad pinjaman tersebut dan peminjam berhak mengembalikan barang yang dipinjamnya kepada pemiliknya sama ada setelah tamat tempoh pinjaman atau sebelum tamat tempoh yang ditentukan jika akad pinjaman tersebut bertempoh.

Perkara ini dijelaskan juga oleh as-Sayyid al-Bakri Rahimahullah dalam kitabnya Hasyiah l'ana ath-Thalibin:

Ertinya: Dan harus bagi setiap dari pemberi pinjam dan peminjam menarik balik (membatalkan) dalam (akad) pinjaman, (sama ada) ia secara mutlak atau secara bertempoh (walaupun sebelum tamat tempoh pinjaman tersebut).

Keharusan bagi pemilik dan peminjam untuk membatalkan akad pinjaman pada bila-bila masa kerana akad pinjaman itu daripada akad ja'iz iaitu akad yang mengharuskan pemilik atau peminjam menarik balik atau membatalkan akad pinjaman tanpa perlu kepada pengetahuan dan persetujuan pihak yang satu lagi. Ini bererti, kedua-dua pihak tidak diwajibkan dan tidak terikat untuk meneruskan akad pinjaman tersebut. Dapat juga difahami bahawa akad pinjaman secara bertempoh boleh dibatalkan walaupun tempoh yang ditentukan itu masih berbaki.

Walaupun bagaimanapun dalam keadaan tertentu pemilik dan peminjam dilarang membatalkan akad pinjaman sebagaimana penjelasan berikut:

i. Orang yang meminjam sebuah rumah untuk didiami oleh perempuan yang ber'iddah, maka sepanjang tempoh tersebut, peminjam dilarang untuk membatalkan akad pinjaman dan mengembalikan rumah tersebut kepada pemilik jika pemiliknya tidak meminta semula rumah tersebut. Dalam hal ini, akad pinjaman tersebut adalah akad lazim bagi pihak peminjam.

ii. Pemilik meminjamkan sehelai pakaian kepada orang yang hendak mengerjakan sembahyang fardhu dan semasa peminjam berkenaan sedang sembahyang tiba-tiba pemilik tersebut mahu meminta semula pakaian miliknya. Pemilik dilarang meminta semula pakaian miliknya dan peminjam juga dilarang membatalkan akad pinjaman dan mengembalikan pakaian tersebut melainkan setelah dia selesai mengerjakan sembahyang fardhu. Dalam hal ini, akad pinjaman baju yang sedang dipakai mengerjakan sembahyang fardhu itu bertukar daripada akad ja'iz kepada akad lazim bagi kedua-dua pihak.

iii. Pemilik meminjamkan kepada seseorang sebuah kapal dan membawa muatan peminjam. Semasa kapal tersebut berada di tengah lautan, tiba-tiba pemilik tersebut meminta semula kapal miliknya. Atau pemilik meminjamkan sebuah kereta kepada seseorang, tiba-tiba pemilik tersebut meminta semula kereta miliknya semasa peminjam berada di suatu tempat yang terpencil dan tidak ada cara untuk peminjam mendapatkan kereta lain sebagai ganti.

Dalam kedua-dua keadaan ini, peminjam tidak diwajibkan untuk mengembalikan barang yang dipinjamnya dengan segera kerana perbuatan pemilik meminta semula barang miliknya boleh menyebabkan mudarat kepada peminjam. Malah peminjam masih dibolehkan untuk menggunakannya sehinggalah dia dapat



mengembalikannya pada pemilik tersebut tanpa mendatangkan mudarat kepada peminjam. Walau bagaimanapun dalam keadaan seperti ini, peminjam dikehendaki membayar upah atau sewa yang sebanding (ujrah al-mitsl) kepada pemilik. Pengiraan upah tersebut bermula dari waktu tuntutan dibuat oleh pemilik sehingga peminjam mengembalikan barang tersebut ke tangan pemilik.

3. Hilang kelayakan

Akad pinjaman sama ada secara mutlak atau bertempoh berakhir kerana hilang kelayakan seperti kematian sama ada pemilik atau peminjam, kerana pengsan, gila atau menjadi orang yang ditegah daripada mengurus harta disebabkan lemah akal (saffih). Akad pinjaman juga berakhir apabila pemilik menjadi orang yang ditegah daripada mengurus harta disebabkan mufils.

Apabila akad pinjaman berakhir kerana pemilik telah hilang kelayakan, maka peminjam wajib mengembalikan barang yang dipinjamnya dengan segera kepada pemilik atau wakilnya, atau kepada ahli warisnya jika pemilik meninggal dunia, atau kepada walinya jika pemilik menjadi orang yang ditegah daripada mengurus harta. Jika peminjam sengaja melambatkan pemulangan barang yang dipinjam tanpa sebarang keuzuran, maka dituntut untuk mengganti rugi jika berlaku sesuatu seperti kerosakan terhadap barang yang dipinjam dan juga dikenakan bayaran upah atau sewa penggunaannya.

Apabila akad pinjaman berakhir kerana peminjam menjadi gila, maka wali kepada peminjam wajib mengembalikan barang yang dipinjam dengan segera. Demikian juga hukumnya jika peminjam meninggal dunia, wajib ke atas ahli waris peminjam untuk mengembalikan barang yang dipinjam dengan segera kepada pemiliknya walaupun tanpa ada tuntutan daripada pemilik supaya barang tersebut dikembalikan.

Jika ahli waris dengan sengaja melambatkan pemulangan barang yang dipinjam tersebut tanpa sebarang keuzuran, maka mereka tergolong dalam orang-orang yang melakukan maksiat kerana sengaja menyalahi perintah dan keluar daripada ketaatan. Dalam hal ini, apabila berlaku sesuatu seperti kerosakan terhadap barang yang dipinjam, maka mereka dituntut mengganti rugi. Mereka juga tidak berhak untuk menggunakan barang yang dipinjam itu kerana ahli waris berkenaan tidak termasuk dalam orang yang diberi keizinan oleh pemilik untuk menggunakan barang yang dipinjam itu. Jika mereka tetap menggunakannya, di samping berdosa mereka juga dikenakan bayaran atas penggunaannya.

Demikian penjelasan mengenai bila akad pinjaman berakhir.

APABILA akad pinjaman berakhir kerana pemilik telah hilang kelayakan, maka peminjam wajib mengembalikan barang yang dipinjamnya dengan segera kepada pemilik atau wakilnya, atau kepada ahli warisnya jika pemilik meninggal dunia, atau kepada walinya jika pemilik menjadi orang yang ditegah daripada mengurus harta. Jika peminjam sengaja melambatkan pemulangan barang yang dipinjam tanpa sebarang keuzuran, maka dituntut untuk mengganti rugi jika berlaku sesuatu seperti kerosakan terhadap barang yang dipinjam dan juga dikenakan bayaran upah atau sewa penggunaannya.

12 PELAJAR SERTAI PROGRAM SEKOLAH BERKEMBAR NBD, SINGAPURA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Isnin, 19 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) telah menyelaras lawatan delegasi Sekolah Menengah Rimba yang terdiri daripada 12 pelajar Tahun 10, diiringi oleh Timbalan Pengetua (Pentadbiran) dan dua guru sekolah berkenaan ke Sekolah Menengah Peicai, Republik Singapura.

Lawatan selama lima hari bermula 19 hingga 23 Mei 2025 tersebut merupakan Program Sekolah Berkembar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang.

Program Sekolah Berkembar antara NBD dan Republik Singapura pada tahun ini

menandakan kerjasama kali kedua antara Sekolah Menengah Rimba dan Sekolah Menengah Peicai.

Fasa pertama program ini telah dilaksanakan secara dalam talian melalui platform Zoom sebanyak lima sesi pada tahun 2022. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan yang bermakna kepada pelajar dan guru terhadap kepelbagaian budaya, adat resam dan perspektif.

Melalui kerjasama akademik, program ini menggalakkan pertukaran kaedah pengajaran, amalan pendidikan dan perkongsian sumber, sekali gus mendorong inovasi serta memperkukuh strategi untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan hasil pembelajaran.

Selain itu, inisiatif ini turut membantu membina keyakinan diri, kebolehan berdikari, dan keupayaan menyesuaikan diri dalam kalangan pelajar, di



SESI bergambar ramai delegasi Sekolah Menengah Rimba bagi menyertai Program Sekolah Berkembar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura di Sekolah Menengah Peicai, Republik Singapura selama lima hari bermula 19 hingga 23 Mei 2025.

samping menggalakkan pemikiran kritis, daya kreativiti dan kemahiran menyelesaikan

masalah melalui aktiviti dari JSS, Kementerian Pendidikan serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar. Turut hadir, pegawai-pegawai

108 pain darah berjaya dikumpulkan



ANTARA yang hadir menyertai Kempen Derma Darah yang diadakan di ruang lobi Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Mei. - Sebanyak 108 pain darah telah berjaya dikumpulkan dalam Kempen Derma Darah anjuran Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Imagine Sdn. Bhd.

Kempen Derma Darah tersebut diadakan di ruang lobi BKISHHB, bermula dari pukul 9.00 pagi

hingga 11.30 pagi dan disambung semula pada pukul 1.30 petang hingga 3.00 petang.

Kempen tersebut merupakan salah satu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) BKISHHB, yang bertujuan untuk menggalakkan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dalam kalangan warga BKISHHB dan orang ramai melalui cara mudah untuk menyelamatkan nyawa dengan menderma darah.

Selain itu, kempen ini dihasrat dapat meningkatkan kesedaran tentang manfaat menderma darah terhadap kesihatan dan tubuh badan penderma. Ia juga merupakan inisiatif BKISHHB bagi membantu pihak Hospital RIPAS untuk menambah stok darah bagi mereka yang memerlukan.

Kesemua penderma darah yang menderma darah pada kempen tersebut berpeluang untuk memenangi dua tiket penerbangan ulang alik ke Singapura tajaan Imagine Sdn. Bhd.



Memastikan syarikat perniagaan patuh Cukai Pendapatan Korporat

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Mei. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) melalui Bahagian Hasil baru-baru ini telah mengadakan Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, MOFE.

Sesi berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman kepada syarikat-syarikat perniagaan mengenai skop percukaian di negara ini di samping untuk meningkatkan kesedaran terhadap obligasi dan tanggungjawab syarikat-syarikat perniagaan ke atas pematuhan Cukai Pendapatan Korporat.

Dalam taklimat tersebut, pegawai dari Bahagian Hasil telah menjelaskan secara menyeluruh antaranya tentang asas penaksiran cukai, pematuhan untuk pemfailan penyata cukai dan perkiraan cukai, selaras dengan Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.

Sesi pembarigaan ini adalah salah satu usaha berterusan MOFE dalam memperkukuhkan lagi tahap pematuhan cukai dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan cukai korporat kepada orang ramai terutama dalam kalangan pembayar cukai di negara ini.



SEKITAR Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat yang diadakan di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) (atas dan bawah).



منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولان قوسه دعوه اسلاميه

SIFAT malu termasuk di dalam sifat-sifat yang terpuji dan ia merupakan lambang kesempurnaan seseorang itu. Malu merupakan sifat yang sangat ditekankan dalam Islam kerana ia berkait rapat dengan iman. Hadis riwayat Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Iman memiliki lebih dari enam puluh cabang, dan malu itu sebahagian daripada iman".

Sifat malu bukanlah kelemahan, sebaliknya ia adalah perisai yang melindungi seseorang daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam kehidupan seorang Muslim, perasaan malu yang benar akan mendorong seseorang untuk sentiasa berakhlak baik dan menjauhi maksiat. Dengan memiliki sifat malu yang baik, seseorang akan membentuk peribadi yang unggul dengan menjaga tingkah laku, pertuturan dan kehormatan diri, sekali gus memperkukuhkan hubungannya dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan manusia.

Malu bukan sekadar perasaan segan atau takut berhadapan dengan orang ramai, tetapi ia lebih kepada perasaan dalam hati yang membuatkan seseorang menjaga dirinya daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan syariat Islam. Malu yang terpuji ialah yang membuatkan

Malu sebagai perisai iman

seseorang menjaga akhlaknya, menjauhi dosa dan sentiasa berusaha memperbaiki diri.

Terdapat dua jenis malu dalam Islam :

1. Malu kepada Allah Subhanahu Wata'ala

Seorang Muslim yang memiliki sifat malu kepada Allah akan berusaha untuk tidak melakukan perkara yang dilarang oleh-Nya, baik secara terang-terangan mahupun secara sembunyi. Ini kerana ia merasakan dirinya sentiasa diperhatikan oleh Allah dan menyedari setiap perbuatan akan dicatat dan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Oleh sebab itu, ia akan menjaga sembahyang dan tidak meninggalkannya dengan sengaja, menutup aurat dengan mengikut syariat Islam dan menjauhi maksiat kerana menyedari bahawa Allah Maha Melihat atas segala perbuatannya.

2. Malu kepada manusia

Selain malu kepada Allah, seorang Muslim juga perlu memiliki rasa malu kepada manusia. Malu ini bukan bermaksud takut atau segan dalam perkara yang baik, tetapi lebih kepada menjaga akhlak dan kehormatan diri dalam pergaulan sesama manusia. Sebagai contoh, seseorang yang mempunyai sifat malu tidak akan berkata-kata kasar, berbohong atau melakukan perkara yang tidak sopan di hadapan orang lain.

Malu berperanan sebagai perisai iman kerana ia membantu seseorang menjauhi perkara yang boleh merosakkan agamanya. Orang yang memiliki sifat malu akan sentiasa berhati-hati dalam pertuturan dan perbuatannya. Dia tidak akan berkata sesuatu yang menyakitkan hati orang lain

atau melakukan perkara yang boleh menjatuhkan maruahnyanya.

Seseorang yang mempunyai sifat malu akan terdorong untuk melakukan kebaikan seperti membantu orang lain, menepati janji dan bersikap amanah. Dia malu jika tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan baik. Apabila masyarakat memiliki rasa malu, mereka akan hidup dalam suasana yang harmoni dan berakhlak mulia. Zina, rasuah dan perbuatan keji dapat dikurangkan kerana adanya rasa malu dalam diri setiap individu.

Malu yang tidak diterima dalam Islam

Walaupun malu itu adalah sifat yang baik, ada juga jenis malu yang tidak sepatutnya dimiliki oleh seorang Muslim, sebagai contoh, malu untuk menuntut ilmu yang baik. Islam menggalakkan umatnya menuntut ilmu tanpa rasa segan atau malu. Jika seseorang tidak bertanya tentang sesuatu perkara yang tidak diketahuinya, dia akan kekal dalam kejahilan. Selain itu, seorang Muslim juga tidak boleh malu untuk melakukan kebaikan seperti memberi nasihat, bersedekah dan sebagainya. Muslim juga tidak boleh memiliki sifat malu yang berlebihan menyebabkan kehilangan kepercayaan diri dan menyebabkan seseorang takut untuk bercakap, bergaul ataupun mengambil peluang untuk berkembang dalam kehidupan.

Cara menanamkan sifat malu dalam diri

Sifat malu boleh dipupuk dalam diri dengan beberapa amalan berikut :

1. Meningkatkan keimanan dan takwa
Semakin kuat iman seseorang, semakin tinggi rasa malunya kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan manusia.

2. Menjaga hubungan dengan Allah
Melaksanakan sembahyang, membaca Al-Quran, dan berzikir membantu seseorang merasa dekat dengan Allah dan menjadikan malu sebagai perisai iman.

3. Berkawan dengan orang yang berakhlak baik

Pergaulan yang baik mempengaruhi sikap seseorang. Berkawan dengan orang salih akan membantu menanamkan sifat malu yang positif.

4. Menyedari bahawa Allah Maha Melihat
Sentiasa mengingat bahawa setiap perbuatan kita diperhatikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, ini akan membantu seseorang itu menjauhi perkara yang memalukan.

Akhirnya, sifat malu adalah salah satu tanda iman yang kuat dan menjadi perisai kepada seorang Muslim dalam menjalani kehidupan. Ia membantu seseorang menjaga akhlak, menghindari maksiat, dan memperkukuhkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Namun, malu haruslah digunakan dengan bijak, bukan sebagai alasan untuk tidak berbuat baik atau menuntut ilmu. Dengan memiliki sifat malu yang seimbang, seorang Muslim dapat menjalani kehidupan yang lebih bermaruah dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga kita semua dapat menanamkan sifat malu yang terpuji dalam diri kita agar menjadi insan yang lebih baik di dunia dan akhirat.

HALUAN

Pikul amanah dengan cemerlang demi keamanan, kestabilan, keharmonian negara

>> Muka 2

Alhamdulillah, peramba / saya berbesar hati bahawa Program Pengukuhan Jati Diri dari aspek keagamaan dan kerohanian melalui penghayatan dan amalan bacaan Al-Quran, hafazan serta amalan berzikir kepada para banduan telah membuahkan hasil yang positif. Program Hafazan Al-Quran yang diperkenalkan sejak tahun 2014 dengan sokongan daripada Yayasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui pembiayaan elaua tenaga pengajar telah melahirkan seramai 26 orang banduan yang berjaya menghafaz beberapa juzuk dalam Al-Quran. Selain itu, empat orang bekas banduan yang kini berdaftar sebagai Rakan Seliaan (RS) masih meneruskan pembelajaran hafazan di bawah pengawasan Bahagian Pemulihan dan Reintegrasi Jabatan Penjara. Pada tahun 2024, dua orang RS wanita menyertai pertandingan menghafaz Al-Quran berserta pemahamannya dalam Kategori 'B', dan pada tahun 2025, tiga orang RS wanita turut menyertai pertandingan yang sama, di mana salah seorang daripada mereka berjaya ke peringkat akhir setelah menyertai selama dua tahun berturut-turut.

Melihat kepada potensi para banduan yang jelas masih boleh dibentuk untuk menjadi insan dan warga yang berguna dan produktif, peramba / saya sukacita menzahirkan penghargaan dan menyambut baik usaha Jabatan Penjara untuk melaksanakan Program Peningkatan Tahap Akademik dan Program Kemahiran Vokasional dan Industri yang akan diberikan kepada banduan-banduan yang berkelayakan.

Program Peningkatan Tahap Akademik ini akan menyediakan pendidikan di peringkat rendah, menengah dan pra-universiti yang disesuaikan mengikut tahap akademik banduan sebelum mereka menjalani pemenjaraan serta mengambil kira kesediaan dan tempoh pemenjaraan mereka untuk meneruskan pembelajaran. Manakala dari aspek latihan kemahiran, program ini merangkumi pendidikan teknikal dan vokasional dengan menawarkan latihan

kemahiran dan pensijilan melalui program seperti ISQ, Ntec, HNTec dan Diploma (BDQF Tahap 5) yang mana ianya dilaksanakan dengan sokongan Kementerian Pendidikan serta institusi swasta.

Selain itu, latihan kemahiran industri dan keusahawanan akan turut diberikan yang memfokuskan kepada memberikan banduan kemahiran dalam bidang pertanian dan penternakan yang akan dibantu oleh pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Ini adalah sebagai tambahan kepada program-program vokasional yang sedia ada dijalankan seperti pertukangan kayu, kimpalan, jahitan, tenunan dan kaligrafi. Aktiviti keusahawanan melalui penghasilan produk dan perkhidmatan berasaskan pendekatan *learning-by-doing* ini dihasratkan menjadi platform yang berkesan dalam usaha pemulihan dan memperkasakan banduan, agar mereka mampu kembali menyumbang kepada masyarakat selaras dengan hasrat kerajaan untuk membina sistem pemulihan yang inklusif dan progresif.

Sokongan daripada pelbagai pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti Aftercare Support Association (AFSA) yang mana banyak membantu Jabatan Penjara dalam memperkasa Aftercare Program bagi RS, institusi perbankan dan masyarakat dalam membantu memperkukuh peranan Jabatan Penjara sebagai agensi pemulihan amatlah dihargai. Sehubungan itu, peramba / saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerjasama erat dengan Jabatan Penjara dalam pelbagai inisiatif dan program, khususnya dalam memperkukuh sistem pemulihan dan menyediakan peluang kedua kepada para banduan untuk berubah. Harapan peramba / saya agar kerjasama ini dapat terus diperkembangkan dan menyokong usaha pemulihan penghuni penjara.

Alhamdulillah, berdasarkan kepada perangkaan yang diterima dari Bahagian Pemulihan dan Reintegrasi Jabatan Penjara, jumlah pengusaha dalam kalangan RS adalah meningkat kepada 10 orang pada tahun 2024 berbanding enam orang pada tahun 2023.

Oleh itu, diharapkan Jabatan Penjara dapat terus berusaha meyakinkan bekas banduan untuk mendaftar sebagai RS agar perkembangan mereka dapat dipantau dan dibantu melalui kerjasama pihak-pihak berkepentingan, sekali gus membolehkan mereka menjalani kehidupan tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan luar.

Sepanjang 71 tahun penubuhannya, Jabatan Penjara juga telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan ke arah sistem pengurusan pentadbiran yang cekap dan berkesan. Ini termasuk projek menaik taraf sistem keselamatan melalui penggunaan teknologi terkini seperti Kamera Litar Tertutup (CCTV) bagi memperkukuhkan lagi kawalan keselamatan. Selain itu, pembinaan Blok Baharu Penjara Maraburong Fasa IV di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11, yang merangkumi pembinaan bangunan tambahan tempat tinggal banduan, menaik taraf dapur dan bengkel vokasional di kawasan Fasa I. Di bawah RKN Ke-12 pula, pembinaan Blok Baharu Penjara Maraburong Fasa V juga akan dibina iaitu khusus untuk menempatkan banduan wanita yang kini masih ditempatkan di Penjara Jerudong. Dengan adanya Kompleks Penjara Wanita ini, Jabatan Penjara dapat mengoptimalkan penempatan anggotanya yang akan berpusat di Penjara Maraburong. Selain Kompleks Penjara Wanita, di bawah Fasa V, ianya juga akan merangkumi pembinaan Kompleks Gerak Khas, Kompleks Ibu Pejabat, Bangunan Bilik Persenjataan, Flat Perumahan, serta pembesaran dapur di Penjara Maraburong Fasa III dan penakhtarfaan Bilik Persenjataan di Fasa I dan Fasa III.

Peramba / saya juga turut mengambil maklum akan perkembangan kerjasama Gerak Khas Jabatan Penjara bersama pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dalam usaha untuk mempertingkatkan kemahiran pengendalian ancaman serangan di dalam Institusi Penjara. Inisiatif ini merangkumi latihan taktikal seperti Close Quarter Battle (CQB) serta demonstrasi penggunaan senjata api dalam pertunjukan simulasi senario kecemasan daripada Anggota Gerak Khas

Penjara. Peramba / saya mengalu-alukan kerjasama strategik seperti ini dan hendaklah diteruskan bagi membolehkan kedua-dua pihak meneroka dan mengaplikasikan amalan terbaik (iaitu *best practices*) dalam mempertingkatkan kemahiran dalam 'Unarmed Combat' serta pengurusan logistik yang berkaitan.

Di peringkat serantau, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kerajaan Malaysia telah menandatangani Triti Pemindahan Banduan Antarabangsa (ITOP) di Kuala Lumpur pada 3 Ogos 2023 semasa Mesyuarat Tahunan Ketua-ketua Negara bagi kedua-dua buah negara. Alhamdulillah, dengan termeterainya triti ini bukan sahaja mengeratkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia, khususnya kedua-dua buah Jabatan Penjara, malah mempunyai tujuan strategik dalam menjaga kebajikan banduan warganegara masing-masing. Ia juga memudahkan keluarga untuk membuat lawatan dan menyokong pengintegrasian semula banduan ke dalam masyarakat mengikut bangsa, budaya dan agama masing-masing.

Sebelum peramba / saya mengakhiri ucapan ini, marilah kita sama-sama berdoa agar pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara terus diberi kekuatan dan panduan dalam memikul amanah dengan cemerlang demi keamanan, kestabilan dan keharmonian NBD. Usaha untuk meletakkan Jabatan Penjara ke aras kecemerlangan memerlukan kerjasama yang menyeluruh oleh setiap anggota dan masyarakat. Sikap profesionalisme, ketabahan dan integriti yang tinggi perlu menjadi asas kepada setiap pegawai dan anggota, agar jabatan terus mendapat kepercayaan masyarakat, selaras dengan misi Jabatan Penjara iaitu untuk memberi perlindungan, keselamatan dan pemulihan kepada banduan supaya mereka kembali menjadi insan sempurna dan kembali ke pangkuan masyarakat setelah dibebaskan.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UNISSA SAMBUT HARI BUKU SEDUNIA 2025



PEMANGKU Timbalan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa hadir pada Sambutan Hari Buku Sedunia 2025 (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Mei. - Dalam menyahut sokongan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) yang telah mengisytiharkan tarikh 23 April sebagai Hari Buku Sedunia, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menganjurkan Sambutan Hari Buku Sedunia 2025 selama dua hari bermula 14 hingga 15 Mei 2025.

Majlis pelancaran Sambutan Hari Buku Sedunia 2025 telah diadakan pada 14 Mei 2025 bertempat di Tingkat 1, Bangunan Fakulti Pertanian di Kampus Sinaut, UNISSA.

Majlis pelancaran Hari Buku Sedunia 2025 telah

disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad.

Sambutan Hari Buku 2025, Peringkat UNISSA ini merupakan salah satu acara tahunan dan merupakan anjuran bersama Perpustakaan, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.

Pelbagai pengisian telah dirancang untuk menyemarakkan lagi sambutan hari buku pada tahun ini.

Majlis dimuatkkan dengan sesi bincang-bincang buku bagi buku 'Mengurus Faktor Tekanan Dengan Kaedah Kerohanian Islam' dan disampaikan oleh Penolong Profesor Fakulti Ekonomi dan

Kewangan Islam, UNISSA, Dr. Hajah Nur Annisa binti Haji Sarbini yang juga selaku penulis buku.

Pada tahun ini, Penolong Pensyarah, Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Awang Rajali bin Haji Aji, dan Penolong Pensyarah, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Dayang Nor Surilawana binti Haji Sulaiman telah diberikan penghargaan sebagai Best Academician Patron.

Manakala, Pelajar Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Dayang Norhafizah binti Abdullah Hapidshah dan pelajar Fakulti Pertanian, Dayang Siti Hadiyah binti Haji Mohamed Azlan telah diberikan penghargaan sebagai Best Student Patron.

Majlis juga diteruskan dengan pelancaran Sudut Bacaan Mureeh. Perkataan Mureeh diambil daripada Bahasa Arab yang bermaksud selesa, tenang, dan bersantai.

Inisiatif ini diperkenalkan sebagai usaha untuk mendukung kesihatan mental dengan menyediakan ruang di kawasan perpustakaan yang membolehkan pelajar berehat, mengurangkan tekanan, dan meningkatkan produktiviti mereka melalui aktiviti ringan seperti membaca bahan santai, dan permainan bahan terapi.

Inisiatif ini juga sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) khususnya dalam aspek Kesihatan & Kesejahteraan (SDG 3), Pendidikan Berkualiti (SDG 4),

dan Bandar dan Komuniti Mampan (SDG 11).

Tetamu kehormat juga turut menyaksikan aktiviti penyediaan Bookmark and Peraduan Really Short Story yang dianjurkan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa yang disertai oleh pelajar - pelajar Sekolah Rendah Sinaut Tutong.

Di antara aktiviti lain yang akan diadakan sempena Hari Buku Sedunia 2025 ialah Bengkel Merombak Tesis ke Buku oleh Profesor Madya Dr. Kamaluddin Nordin Marjuni selaku fasilitator; Wakaf Book Drive dari Fakulti-fakulti & Pusat-pusat UNISSA; Penyerahan sebanyak 326 buah Buku Wakaf ke Pusat SMARTER dan Aktiviti Silent Reading oleh Kelab Perpustakaan Nadi Maktabah.

SR Tanjong Kindana terima lawatan SIPA, Republik Filipina

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SEKOLAH Rendah Tanjong Kindana menerima Lawatan Sambil Belajar daripada rombongan Saceda Youth Lead International Program in Asia (SIPA), Republik Filipina (atas, kiri dan bawah kiri).



TANJONG KINDANA, Isnin, 19 Mei. - Sekolah Rendah (SR) Tanjong Kindana hari ini menerima Lawatan Sambil Belajar daripada rombongan luar negara iaitu Saceda Youth Lead International Program in Asia (SIPA), Republik Filipina.

Guru Besar SR Tanjong Kindana, Awang Mohammad Salleh Hamidy bin Awang Julidy dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai misi, visi, sejarah, fungsi dan peranan sekolah tersebut.

Lawatan tersebut antara lain bertujuan untuk menghargai dan memahami isu geopolitik

di rantau ASEAN dan Asia Pasifik dengan menyaksikan sendiri, membincangkan dan meneroka isu kemiskinan, pendidikan, sosioekonomi, budaya dan politik tempatan.

Ini adalah ke arah usaha yang lebih besar untuk melatih mereka supaya peka dengan hal ehwal serantau dan global serta memahami kesan dan kesan terhadap Republik Filipina dan masa depannya.

Ia juga bertujuan untuk menyaksikan sendiri bagaimana pemimpin dan guru sekolah di Negara Brunei Darussalam memimpin sekolah masing-

masing, menyelia pelajar dan guru serta mengurus sumber.

Lawatan di harap akan dapat memberi inspirasi kepada peserta rombongan tentang tadbir urus sekolah terutamanya bagi peserta yang berasal dari Mindanao dan yang berada di Sekolah Madrasah.

Pada lawatan tersebut, rombongan juga berkesempatan untuk menyertai sesi soal jawab dan seterusnya melawat ke beberapa tempat di sekolah tersebut. SR Tanjong Kindana setakat ini mempunyai keramaian guru seramai 16 orang dan 115 murid.



**UNIVERSITI TEKNOLOGI
BRUNEI**

Notis Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

TUTB / LELONG / 2025-2026 / 01:
39 Buah CPU Pelbagai Jenis

Tarikh Mula:

20 Mei 2025, Selasa.

Tarikh Melihat, Mengambil Dan Menghantar Borang Tawaran (Waktu Bekerja):

20 Mei 2025. (Selasa) Hingga
3 Jun 2025. (Selasa)

Isnin Hingga Khamis:

8.30 Pagi Hingga 11.30 Pagi
1.30 Petang Hingga 3.00 Petang

Sabtu:

8.30 Pagi Hingga 10.30 Pagi
1.30 Petang Hingga 3.00 Petang

Tarikh Menghantar Borang Tawaran Ke Dalam Peti Tawaran:

3 Jun 2025.
Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari
(Selasa) (Membuka Peti Tawaran)

Keterangan:

39 Buah CPU Pelbagai Jenis

Bertempat:

Bilik Penyimpanan CEB-L3.02
(Tutorial Room 9)

Harga borang adalah BND5.00 sahaja dan tidak dikembalikan dan boleh didapati di laman sesawang Universiti Teknologi Brunei. Untuk tempahan jadual lawatan dan sebarang pertanyaan boleh lah di e-mel kepada Hairulsyahmi_hamdan@utb.edu.bn



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 01
/ 2025-2026

Tajuk Sebut Harga:

To Supply, Deliver And
Install Workstations At
Ministry Of Primary Resources
And Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga:

5 Jun 2025, Khamis.
Jam 2.00 Petang.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:

BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:

KK / 121 / 2025 / LAB(TC)

Keterangan:

To Supply And Deliver
Reagents And Consumables For
Illumina Platform (AMR
Surveillance) For Microbial
Genomics Services, Department
Of Laboratory Services, Ministry
Of Health For A Period Of
Three(3) Years Usage

Yuran Tawaran:

BND10.00

Tarikh Tutup:

3 Jun 2025.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

KHEU / ITQ / T / 2105
(2025-2026)

Tawaran Membekalkan
Satu (1) Unit Kenderaan
11 Penumpang Bagi
Institut Tahfiz Al-Quran
Sultan Haji Hassanah Bolkiah,
KHEU

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Selasa,
17 Jun 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Rujukan Iklan:

KAUNTERJAPEMKB / 2025 /
JAPEM-KB / RB

Tajuk Iklan:

Remove Existing, Supply &
Install New Counter At
Pejabat JAPEM Cawangan Belait

Rujukan Iklan:

MEI / 2025 / JAPEM /
ACPKWE-KB / RB

Tajuk Iklan:

Air Conditioner Supply & Install /
Repair & Service, PKWE Belait

Tarikh Tutup Iklan:

Khamis,
12 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga:
(34) INFO / PK / K / 7 (2025 -
2026)

Tajuk Sebut Harga:

Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Kenderaan
Mitsubishi Pajero Sport
Diesel 4 CYLS, BG 4979
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

Bilangan

Sebut Harga:
(35) INFO / PK / K / 7

(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:

Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Kenderaan
Mitsubishi Pajero GL 2.8
Diesel 4 CYLS, BG 2001
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

Bilangan

Sebut Harga:
(36) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga :

Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Mitsubishi L 200 Triton
Diesel 4 CYLS, BG 4278 (KB)
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri

Bilangan

Sebut Harga:
(37) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk

Sebut Harga:

Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Mitsubishi Pajero GL
2.8 Diesel 4 CYLS, BG 4982 (TT)
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

Yuran:

Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:

Khamis,
29 Mei 2025.
Jam 8.00 Pagi.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Kenyataan Bagi Mendapatkan Sebut Harga

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 05 /
BPPK / 01

Tajuk Sebut Harga:

One (1) Year Term Contract To
Supply And Delivery Garbage
Plastic Bags For Seksyen
Keindahan Dan Kebersihan,
Bahagian Perkhidmatan
Perbandaran Dan Kebersihan,
Jabatan Bandaran.
Bandar Seri Begawan.

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:

Khamis,
29 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.

Keterangan Lanjut Boleh Diperolehi Dari:

Bahagian Perkhidmatan
Perbandaran Dan Kebersihan,
Jabatan Bandaran Bandar Seri
Begawan, Di Tingkat 2,
Bangunan Pejabat Unit Khidmat
Bantu Dan Pemeliharaan
Kenderaan,
Simpang 594, Jalan Subok,
Bandar Seri Begawan.



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :

JDBM / T / 01 / 2025
Tawaran Membekalkan Kayu Bagi
Kerja-Kerja Membaikpulih
Kerosakan Jambatan-Jambatan
Utama Kampung Batu Marang,
Kampung Pandai Besi, Kampung
Pekan Lama, Kampung Sungai
Pandan Dan Kampung Sungai
Matan, Negara Brunei
Darussalam.

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :

JDBM / T / 02 / 2025
Tawaran Membekalkan Kayu Dan
Plywood Bagi Keperluan Membuat
Platform Dan Rangka Kayu
Sempena Majlis Keberangkatan
KDYMM Beramah Mesra Bersama
Rakyat Bagi Daerah Brunei Dan
Muara.

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
10 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
3 Jun 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup:
17 Jun 2025. (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 14 /
2025

Nama Projek:

Kerja-Kerja Penggantian
Peralatan Pendingin Udara Di
Bangunan Galeri (GKDYMM),
Jabatan Perdana Menteri

Yuran Tawaran:

BND500.00 (Tidak Dikembalikan)





Jawatan:
Pembantu Teknik Kanan

Tangga Gaji:
C.2 EB.3
(BND1,450 - BND2,270)

Kekosongan:
1 Orang

Menghadapkan Borang Permohonan Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini:

<https://tinyurl.com/PembantuTeknikKananUBD2025>.

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 4 Jun 2025.

Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:

<https://tinyurl.com/PembantuTeknikKananUBD2025>.

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 4 Jun 2025.

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

- 1) Satu (1) Laporan Sulit
- 2) Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
- 3) Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

Kepada:

Pejabat Sumber Tenaga Manusia
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tungku Link, Gadong
BE1410
Negara Brunei Darussalam
[U.P: Bahagian Pengambilan]

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan. Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (**shortlisted**) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.



Bilangan Tawaran:
DRG / 47 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 48 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 49 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 50 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 51 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 52 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 53 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 54 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of

Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 55 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 56 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 57 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 58 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 59 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 60 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Jun 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 02 / 2025-2026

Keterangan:
Mencetak, Membekal Dan Menghantar Sampul Surat Sulit Bagi Kertas Soalan Dan Jawapan, Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
30 Zulkaedah 1446H /
28 Mei 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 16 /
BPPK / 08

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput, Pembersihan Kawasan Dan Longkang Termasuk Pengumpulan Dan Pelupusan Sisa Buangan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis,
22 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Bahagian Pemuliharaan Dan Kenderaan
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Di Tingkat 2,
Bangunan Pejabat Unit Khidmat Bantu Dan Pemeliharaan,
Simpang 594, Jalan Subok,
Bandar Seri Begawan.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Bilangan Tawaran:
KK / 111 / 2025 / SMS (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item For State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 112 / 2025 / SMS (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (Catheters) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 114 / 2025 / ESTETMOH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Maintenance Services For Fume Cupboards Under Ministry Of Health For A Period Of Two (2) Years

Eligibility For Tenderers:
Registered with the Ministry of Health and the Ministry of Development, and have a Business Registration Certificate (sections 16 & 17) specifically in Hospital medical equipment, scientific and dental equipment

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 115 / 2025 / UPP

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Portable Multiparameter Monitoring For Operating Theatre, RIPAS Hospital

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 116 / 2025 / UPP

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Autotransfusion System For Operating Theatre, RIPAS Hospital

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 118 / 2025 / MOH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Linen And Laundry Services For Hospitals And Health Facilities Of The Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND2,000.00

Tarikh Tutup:
29 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

***Dokumen tender hanya boleh diambil sehingga 29 Mei 2025**



Bilangan Tawaran:
KK / 117 / 2025 / UPP

Keterangan:
The Supply And Delivery Medical Accessories For Paediatric Intensive Care Unit (PICU), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
Selasa, 27 Mei 2025.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



Bilangan dan Nama Projek:
EOI NO: JDBM / EOI / 01 / 2025
Expression Of Interest (EOI) For Proposed Development Of Kampong Ayer Footbridge Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga:
Selasa,
27 Mei 2025, Jam 2.00 Petang

Makluman Mengenai Melanjutkan Tarikh Tutup



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
03 / JMM / S / 12 / 91 (2025 / 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Ink / Cartridge / Tonner Printer Dan



Plotter Bagi Kegunaan Di Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
12 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation & Testing Of Batteries For 2 Units Of 60kva Uninterruptible Power Supply (UPS), Department Of Civil Aviation
ATELS / 2025 / SH-07

Tarikh Iklan/Mengambil Dokumen Sebut Harga:
14 Mei 2025, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:



27 Mei 2025, Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
28 Mei 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat



Bilangan Tawaran:
DRG / 37 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 38 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 39 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 40 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:

Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 41 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 42 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 43 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 44 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines

For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 45 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 46 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
3 Jun 2025.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



MENGUKUHKAN KERJASAMA ANTARA PEMIMPIN KAMPUNG, PENDUDUK



PEMANGKU Penghulu Mukim Mentiri / Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Panchor, Mengkubau semasa berucap pada Program Muzakarah dan Pendekatan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Awang Faidil Rosemady Mohamad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Mei. - Perihal keselamatan jalan raya seperti pemasangan bandul dan anjing berkeliaran, longkang tersumbat serta taman permainan terbiar dan rosak antara perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Program Muzakarah dan Pendekatan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun bersama penduduk Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mengkubau, baru-baru ini.

Program diadakan bertempat di Masjid An-Na'im, Kampung

Panchor. Mengkubau dipengerusikan oleh Pemangku Penghulu Mukim Mentiri / Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad.

Turut hadir pada program berkenaan ialah Ahli-ahli MPK serta Biro Berserumpun Kawasan 4, yang merangkumi pelbagai biro termasuk pendidikan, belia dan sukan, kebajikan, perekonomian, kebudayaan, keagamaan, perhubungan, wanita, media dan keselamatan.

Objektif utama program

berkenaan ialah untuk memperkenalkan barisan kepimpinan tertinggi MPK dan ahli-ahli biro kepada penduduk kampung. Barisan kepimpinan tertinggi yang diperkenalkan termasuk Pengerusi Majlis, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.

Program berkenaan juga menyediakan sesi soal jawab yang membolehkan para penduduk kampung menyuarakan pandangan serta membincangkan isu-isu berbangkit yang dihadapi oleh komuniti yang bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama antara pemimpin kampung dan penduduk serta mencari jalan penyelesaian

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi:

- 1 dalam 5 kanser lelaki
- 1 dalam 10 kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengendalikan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>

yang mampan demi kemajuan bersama.

Program seumpama berkenaan diharap dapat memperkasa

hubungan dua hala dan menyemarakkan semangat

kekitaan dalam kalangan penduduk kampung.

BRUNEI MYCE 2025 EVENT SCHEDULE 19TH MAY - 16TH JULY 2025

MAY

Environment

Ocean Week Brunei 2025

Date: 3 May - 29 June | Venue: Various locations (UBD, One City Mall, Poni Marine Office, Serasa Beach)

Current Affairs

ASEAN Education Workplan 2021-2025 Navigating the 21st Century Leadership: Shaping Tomorrow's Schools Today Workshop

Date: 19 - 22 May | Venue: TBC

Environment

Brunei Darussalam Expedition on Forest to Reef

Date: 19 - 25 May | Venue: Pulau Selirong & Pulau Pelong - Pelongan

Current Affairs

APCA-ANPOR Universiti Brunei Darussalam 2025 Conference

Date: 27 - 28 May | Venue: Universiti Brunei Darussalam

Islamic

Brunei Islamic Sustainable Finance Forum

Date: 28 - 29 May | Venue: Mullia Hotel

JUNE

Technology & Innovation

Grateful Soft Launch

Date: 1 June | Venue: Brunei Innovation Lab

Islamic

International Conference Mazhab Shafii

Date: 3 - 4 June | Venue: International Convention Centre

Environment

3rd Borneo Studies Network Conference

Date: 3 - 4 June | Venue: Universiti Brunei Darussalam

Technology & Innovation

Digital Future Conference and Exhibition (DFCE) 2025

Date: 4 - 5 June | Venue: Setia Point, Jaya Setia

Environment

Mushroom Discovery Week: Spore to Science

Date: 3 - 5 June | Venue: Universiti Brunei Darussalam

Technology & Innovation

SPI BN Technology Discovery Series 2025 Exploring Innovations in Connectivity, Cybersecurity, and Capacity Building

Date: 3 - 18 June | Venue: Brunei Innovation Lab

Current Affairs

First National Conference for Persons With Different Abilities

Date: 10 - 11 June | Venue: International Convention Centre

Current Affairs

2nd International Conference on Curriculum Pedagogy and Assessment 2025

Date: 10 - 11 June | Venue: Universiti Brunei Darussalam

Current Affairs

UBD STEAM Festival 2025

Date: 10 - 13 June | Venue: Universiti Brunei Darussalam

BRUNEI MYCE 2025

BRUNEI

Explore Brunei

Environment

UBD-AUN Summer Camp 2025

Date: 15 - 28 June | Venue: Universiti Brunei Darussalam

Current Affairs

International Conference of Applied Psychology and Pedagogy

Date: 16 - 17 June | Venue: International Convention Centre & Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Current Affairs

Corporate Governance Forum

Date: 16 - 17 June | Venue: Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei

Islamic

International Conference on Islamic Manuscripts

Date: June | Venue: International Convention Centre & Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Environment

Brunei Darussalam Conference on Forest to Reef

Date: 17 - 19 June | Venue: International Convention Centre

Technology & Innovation

Digital Innovation by NIAT

Date: 19 June | Venue: Radisson Hotel

Environment

National Parliamentary Dialogue: Promoting Responsible Investment In Food, Agriculture, And Forestry (ASEAN RAI)

19 June | Venue: The Legislative Council Building, Department of Councils of State

Islamic

Bengkel E-To Soul Belia MABIMS

Date: 23-25 June | Venue: Radisson Hotel

Technology & Innovation

CIPTA Competition 2025

Date: June | Venue: International Convention Centre

JULY

Current Affairs

53rd SEAMEO Council Conference 2025

Date: 1 - 3 July | Venue: Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei

Current Affairs

SEAMEO Centre Policy Research Network (CPRN) Summit

Date: 3 - 4 July | Venue: Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei

Technology & Innovation

Brunei Odyssey 2025

Date: 7 - 16 July | Venue: Universiti Teknologi Brunei

Current Affairs

The 3rd ASEAN Forum: The Future of Finance

Date: 8 July | Venue: Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei

BASC MENYERLAH DI PERSIDANGAN TOASTMASTERS DISTRICT 87

Siaran Akhbar dan Foto : The Brunei Advanced Speakers' Club

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Mei. - Salah seorang ahli The Brunei Advanced Speakers' Club (BASC), Allen Ang Boon Kiat telah menampilkan persembahan yang luar biasa pada Persidangan Toastmasters District 87, yang diadakan baru-baru ini di Bandung, Indonesia.

Allen memenangi kedua-dua Pertandingan Pidato Antarabangsa dan Pertandingan Penilaian, dan mendapat tempat kedua dalam Table Topics Contest - menyerlah dalam kalangan penceramah terkemuka dari Brunei, Malaysia dan Indonesia.

Dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa, Allen memberi inspirasi kepada penonton dengan ucapan yang berkeyakinan.

Semasa Pertandingan Penilaian, maklum balas teliti dan kemahiran analisisnya memberikannya penghormatan tertinggi.

Tempat kedua beliau dalam 'Table Topics Contest' sekali lagi menunjukkan kepelbagaian dan pemikiran pantas beliau sebagai seorang komunikator.

"Ini adalah detik yang membanggakan untuk BASC dan

untuk Brunei.

"Kejayaan Allen mencerminkan kerja kerasnya dan semangat pertumbuhan serta kecemerlangan yang dipupuk oleh kelab kami. Beliau berkhidmat sebagai inspirasi sebenar kepada semua ahli kelab kami dan kepada penceramah yang bercita-cita tinggi di seluruh negara," kata Presiden BASC, Heidi Rahman.

Dengan memenangi Pertandingan Pidato Antarabangsa, Allen kini mara ke suku akhir Pertandingan Pidato Antarabangsa Toastmasters.

Dua teratas dari setiap suku akhir akan mara ke separuh akhir pada Konvensyen Antarabangsa Toastmasters 2025, yang akan diadakan di Philadelphia, Amerika Syarikat pada Ogos ini.

BASC mengucapkan tahniah kepada Allen dan terima kasih kepada semua ahli dan penyokong yang menyumbang kepada pencapaian ini.

Untuk maklumat lanjut tentang BASC, layari Instagram @basc.bn, halaman Toastmasters International atau hubungi Reuben Chin dari BASC menerusi e-mel, reuben.chin@icloud.com atau menghubungi di +673 7186455.



SUASANA Pertandingan Pidato Antarabangsa yang diadakan di Bandung, Indonesia (atas dan bawah).



MINDA PEMBACA

Persiapan menghadapi krisis ekonomi global

KETIDAKTENTUAN ekonomi dunia adalah cabaran yang tidak dapat dielakkan. Setiap keluarga, perniagaan, dan negara perlu bersiap sedia dengan rencana mantap agar tidak terkejut apabila berlakunya guncangan pasaran. Memupuk semangat daya tahan dan fleksibiliti mental merupakan asas untuk menempuh perubahan mendadak.

Di peringkat peribadi, pengurusan kewangan yang teliti membina ketahanan yang kukuh. Amalkan prinsip 50:30:20 untuk membahagikan perbelanjaan asas, kehendak, dan simpanan secara seimbang. Sasarkan

simpanan kecemasan setara tiga hingga enam bulan gaji untuk mengatasi kemungkinan kehilangan pendapatan. Selain itu, kurangkan hutang tidak produktif dan mengutamakan pelaburan dalam instrumen patuh syariah seperti sukuk atau dana amanah untuk pulangan jangka panjang.

Sumber pendapatan yang terhad amat berisiko ketika ekonomi merosot. Walaupun hasil terbesar kerajaan Negara Brunei Darussalam datang daripada minyak dan gas negara, kita tidak tahu sampai bilakah sumber semula jadi ini dapat menyokong pendapatan negara. Oleh itu, setiap

rakyat Brunei perlu merangka rancangan 'B' yang mampan, contohnya meneroka peluang dalam sektor pelancongan berbudaya, perkhidmatan digital, dan ekonomi hijau. Diversifikasi pendapatan melalui perniagaan kecil, *freelance*, atau perdagangan dalam talian juga menambah lapisan keselamatan kewangan.

Meningkatkan literasi kewangan dan kesedaran ekonomi global membolehkan kita membuat keputusan berinformasi, bukan emosional. Hadiri kursus dalam talian, membaca laporan ekonomi terkini, dan sertai seminar untuk memahami tren

inflasi, kadar faedah, dan dasar kerajaan. Komuniti perlu bersatu melalui koperasi dan program bantuan mikro agar sokongan sampai kepada golongan yang paling memerlukan.

Akhirnya, persiapan menghadapi krisis ekonomi global bukan sekadar memantapkan status kewangan, tetapi juga membentuk semangat optimis, responsif, dan berdaya saing. Dengan perancangan rapi, ilmu meluas, dan semangat bekerjasama, kita akan menjadi masyarakat yang lebih kukuh dan bersedia menempuh masa depan tidak menentu.

Nama : Haji Awang Mohamad
Zul-Hafiz bin Awang Tengah
No. K/P : 00-301XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesihatan Mental Dalam Kalangan Remaja.' Tarikh Tutup : 21 Mei 2025
2. 'Kesan Pemanasan Global Terhadap Kehidupan Harian.' Tarikh Tutup : 28 Mei 2025
3. 'Keberkesanan Pembelajaran Digital.' Tarikh Tutup : 4 Jun 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui
E-mel : pelita.brunel@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Program Sua Muka barigakan maklumat, isu semasa

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Selasa, 20 Mei. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Cawangan Daerah, hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Lumut I, Mukim Liang, Daerah Belait bertempat di Balai Raya Kampung Lumut, Mukim Liang.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan, Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji

Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar, selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah.

Manakala, bagi pihak Kampung Lumut I diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Lumut I, Awang Taib bin Haji Salleh.

Turut hadir menyampaikan taklimat kepada para penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan; Unified Smart Metering System Sendirian Berhad (USMS) dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan mukadimah daripada Pemangku



Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, diikuti dengan penerangan daripada ketua rombongan yang antara lain menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Program berkenaan dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan

mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan

dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan prasarana dan kemudahan awam serta hal-hal lain.



SUASANA pada Program Sua Muka bagi Kampung Lumut I, Mukim Liang, Daerah Belait



CUBAAN SELUDUP BARANG TEGAHAH DIPATAHKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



HASIL pemeriksaan Polis Marin (PolMar), Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mendapati perahu yang membawa barangan tidak diisytiharkan, termasuk hati buyah mentah sebanyak 15 kotak besar; tongkeng ayam mentah sebanyak 96 bungkus; rokok sebanyak 500 kرتون (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Mei. - Polis Marin (PolMar), Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), telah berjaya mematahkan satu cubaan membawa masuk barang tidak diisytiharkan melalui perairan negara, baru-baru ini.

Dalam kejadian, sebuah bot peronda Polis Marin telah menjalankan rondaan rutin sebelum mengesan empat buah perahu mencurigakan memasuki perairan negara dari arah Sungai Kupang.

Tindakan pengejaran segera telah dilaksanakan dan salah sebuah perahu berjaya dipintas selepas berlaku aksi kejar-mengejar. Suspek kemudiannya

bertindak melompat ke laut dan melarikan diri ke kawasan hutan bakau berhampiran.

Hasil pemeriksaan awal ke atas perahu terbabit menemukan beberapa kotak hitam yang diselubungi dengan pukat ikan.

Pemeriksaan lanjut mengesahkan bahawa perahu tersebut membawa barangan tidak diisytiharkan, termasuk hati buyah mentah sebanyak 15 kotak besar; tongkeng ayam mentah sebanyak 96 bungkus; rokok sebanyak 500 kرتون.

Kes ini kini disiasat di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Semua barang rampasan termasuk perahu telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan



Eksais Diraja (JKED) untuk siasatan dan tindakan lanjut.

PPDB menegaskan komitmennya dalam memperkukuhkan kawalan keselamatan negara, khususnya di kawasan sempadan perairan, bagi membanteras sebarang aktiviti jenayah rentas sempadan.

PPDB juga menyeru orang ramai agar tidak terlibat dalam sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang dan sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa. Sebarang maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan atau pelanggaran undang-undang boleh disalurkan melalui Talian Kecemasan 993 atau di mana-mana balai polis berhampiran.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KEMENTERIAN KESIHATAN
 MINISTRY OF HEALTH

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Risa Asa



Memahami kegunaan kabel USB

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

Pendahuluan

KABEL USB, singkatan dari 'Universal Serial Bus', ialah sejenis kabel yang digunakan untuk menyambungkan peranti elektronik untuk pemindahan data dan penghantaran kuasa. Ia memudahkan komunikasi antara komputer dan peranti persisian seperti papan kekunci, tetikus, pencetak dan telefon pintar.

Terdapat beberapa jenis kabel USB, dikategorikan mengikut penyambung dan versi. Kabel USB yang dikategorikan mengikut jenis penyambung ialah seperti USB-A, USB-B, Mini-USB, Micro-USB, USB-C dan 'Lightning'. Manakala, kabel yang dikategorikan mengikut versi USB mempengaruhi kelajuan dan kuasa. Ia adalah USB 1.1, USB 2.0, USB 3.0, USB 3.1 Generasi 1 dan Generasi 2, USB 3.2, USB 4 dan USB 4.2. USB 1.1 mempunyai kelajuan terendah pada 12 Mbps dan jarang digunakan hari ini. Manakala kabel USB berkelajuan tertinggi ialah versi USB 4 dengan kelajuan 40 hingga 80 Gbps.

Kabel USB yang paling biasa digunakan hari ini

Kabel USB yang paling biasa digunakan pada hari ini ialah jenis USB-C. Ianya digunakan untuk pengecasan dan pemindahan data untuk kebanyakan telefon

jenis Android, jenis komputer riba terkini, tablet dan aksesori. USB-C paling digunakan oleh kerana ianya mempunyai kebolehan pengecasan pantas, pemindahan data berkelajuan tinggi dan ianya juga menyokong kebanyakan port sambungan pada peranti yang serasi.

Dalam memilih kabel USB perkara utama yang perlu dipertimbangkan penggunaan dan kesesuaian. Adalah penting untuk mendapatkan kabel yang sesuai untuk keperluan pengguna dan juga untuk memastikan kabel mempunyai hujung yang betul untuk peranti yang hendak digunakan. Selain itu, apabila hendak memilih kabel USB, kita perlu juga mempertimbangkan tujuannya; adakah ianya hanya untuk tujuan mengecas ataupun untuk pemindahan data ataupun kedua-duanya. Sesetengah kabel murah hanya memberikan kuasa dan tanpa fungsi pemindahan data. Ada juga kabel yang mempunyai fungsi tambahan yang mungkin berguna seperti untuk menyambung ke skrin atau ke peranti elektronik lain. Untuk penggunaan seperti ini adalah sesuai untuk mendapatkan kabel USB-C berkualiti tinggi.

Jika pengguna mahukan kabel USB yang berkualiti, mereka perlu memeriksa sama ada kabel yang dipilih menyokong pengecasan pantas seperti 18 watt (W), 60W atau 100W dan juga jenis wayar digunakan dalam kabel serta bagaimana kabel tersebut dibina. Kabel

berjalin atau bertetulang selalunya tahan lebih lama dan jika ianya jenis tahan kakisan ini juga membantu dengan ketahanan. Kepanjangan kabel juga memainkan peranan penting. Kabel yang lebih pendek selalunya lebih baik untuk kelajuan dari segi pengecasan dan adalah lebih baik untuk mengelakkan kabel yang terlalu panjang kerana ia boleh mengurangkan kelajuan pengecasan ataupun pemindahan data.

Pastikan kabel yang dipilih adalah daripada jenama yang dapat dipercayai untuk memastikan keselamatannya dan kualiti serta ketahanan.

Langkah berjaga-jaga apabila menggunakan kabel USB

Terdapat beberapa langkah berjaga-jaga keselamatan penting untuk diikuti apabila menggunakan kabel USB untuk mengelak daripada merosakkan peranti atau mendedahkan diri kepada risiko keselamatan. Salah satunya ialah untuk mengelak daripada menggunakan kabel terlalu murah dan tidak mempunyai perakuan keselamatan. Kabel yang murah selalunya adalah jenis yang berkualiti rendah yang boleh menjadi terlalu panas apabila digunakan. Ini bukan sahaja boleh mengundang bahaya kepada diri kita tetapi boleh merosakkan peranti kita.

Antara langkah keselamatan lain ialah untuk memastikan apabila menggunakan kabel USB, kabel tersebut tidak rosak atau mempunyai wayar yang terdedah. Wayar terdedah atau penyambung yang rosak boleh menyebabkan kejutan elektrik, kebakaran dan juga boleh merosakkan peranti yang menggunakan kabel tersebut. Jika bahagian kabel yang digunakan untuk menyambung telah haus adalah baik untuk mendapatkan kabel baru. Apabila menggunakan stesen pengecas awam seperti di lapangan terbang atau pusat beli-belah, pengguna perlu berhati-hati kerana ianya berisiko dan boleh digunakan untuk mencuri data atau memasang perisian hasad. Untuk mengelak perkara tidak diingini gunakan penyekat data USB atau kabel kuasa sahaja.

Elakkan menggunakan kabel USB dalam keadaan basah atau lembap atau berdekatan dengan tempat berair seperti di bilik mandi, dekat sink dan sebagainya. Air boleh mengalirkan elektrik dan menyebabkan litar pintas atau bahaya kejutan. Jangan menggunakan penyambung kabel USB yang tidak sesuai dan memaksa penyambung yang salah kerana ini boleh merosakkan port atau pin kabel dan simpan kabel dengan betul. Melingkar kabel USB dengan terlalu ketat atau membengkok kabel secara mendadak boleh memutuskan wayar dalaman dan merosakkannya.





Kepentingan institusi keluarga tidak boleh dipandang ringan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

KELUARGA merupakan institusi asas dalam sesebuah masyarakat. Keluarga bukan sahaja menjadi tempat untuk berlindung dan memperoleh kasih sayang, malah memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian, moral dan jati diri seseorang individu. Sebuah masyarakat yang harmoni dan maju bermula dari keluarga yang bahagia dan kukuh. Oleh itu, kepentingan institusi keluarga tidak boleh dipandang ringan, malah harus diberi perhatian oleh semua pihak, khususnya dalam era globalisasi dan cabaran moden masa kini.

Peranan penting keluarga

Salah satu peranan penting keluarga ialah membantu anak-anak belajar jadi baik sejak kecil. Sejak lahir, ibu bapa dan penjaga perlu memberi didikan awal. Nilai-nilai murni seperti sopan santun, hormat, kasih sayang, tanggungjawab dan disiplin ditanam dalam diri mereka sejak kecil lagi melalui bimbingan keluarga. Anak-anak yang dididik dengan baik di rumah cenderung untuk menjadi individu yang berakhlak mulia dan berdisiplin apabila dewasa nanti.

Selain itu, keluarga juga berperanan penting dalam memberi sokongan emosi dan moral. Dalam kehidupan yang penuh cabaran ini, setiap individu memerlukan tempat untuk meluahkan perasaan, mendapatkan nasihat dan merasa dihargai. Keluarga yang harmoni akan menjadi tempat berlindung yang selamat bagi ahli-ahlinya. Hubungan yang erat antara ahli keluarga dapat mengurangkan tekanan hidup, membina keyakinan diri dan mendorong seseorang untuk lebih berusaha dalam kehidupan.

Cabaran berkeluarga

Dalam arus kemodenan dan perubahan sosial yang pesat, institusi keluarga turut

berhadapan dengan pelbagai cabaran. Antara cabaran utama termasuk kesibukan ibu bapa yang bekerja sehingga kurang meluangkan masa bersama anak-anak, penggunaan teknologi yang berlebihan hingga hubungan menjadi renggang dan peningkatan kes penceraiian yang menjejaskan emosi anak-anak. Jika masalah ini tidak diatasi, peranan keluarga sebagai asas pembentukan masyarakat boleh terjejas.

Gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, jenayah dan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja sering berlaku kerana kegagalan dalam institusi keluarga. Anak-anak yang kurang kasih sayang, perhatian dan bimbingan yang secukupnya daripada ibu bapa menjadikan anak-anak mencari pengganti di luar rumah, termasuk berkawan dengan orang yang membawa pengaruh buruk kepada mereka. Hal ini membuktikan bahawa apabila institusi keluarga gagal, kesannya bukan sahaja pada individu tersebut tetapi juga kepada masyarakat.

Oleh itu, usaha untuk memperkukuh institusi keluarga perlu dilakukan secara menyeluruh. Ibu bapa perlu diberi pendidikan supaya mereka faham akan tanggungjawab dalam membesarkan anak-anak. Masa berkualiti bersama keluarga amat penting. Aktiviti seperti makan bersama, pergi bercuti, bersenam dan solat berjemaah dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan dan meningkatkan kasih sayang antara satu sama lain.

Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk mengukuhkan institusi keluarga. Antara langkah utama ialah memperkasakan pendidikan kekeluargaan. Ibu bapa perlu didedahkan dengan ilmu keibubapaan yang sesuai dengan cabaran sekarang. Antaranya adalah seperti cara berkomunikasi dengan anak-anak, memahami perasaan mereka, mendidik dengan penuh kasih sayang dan menangani masalah tingkah laku dengan

bijak. Dengan ilmu yang ada, ibu bapa dapat membimbing anak-anak dengan lebih berkesan dan mewujudkan suasana keluarga yang harmoni.

Hari Keluarga Antarabangsa 2025

Hari Keluarga Antarabangsa yang disambut pada 15 Mei setiap tahun adalah inisiatif global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi menekankan pentingnya institusi keluarga dalam pembangunan sosial, ekonomi dan budaya sesebuah negara.

Negara Brunei Darussalam (NBD) juga menyambut Hari Keluarga Antarabangsa setiap tahun sebagai tanda sokongan dan komitmen terhadap kepentingan institusi keluarga. Tema tahun ini ialah 'Dasar Berorientasikan Keluarga untuk Pembangunan Mampan : Ke Arah Sidang Kemuncak Ke-2 untuk Pembangunan Sosial 2025' (Family-oriented Policies for Sustainable Development : Towards the Second World Summit for Social Development 2025).

Dalam perutusan sempena Hari Keluarga Antarabangsa 2025, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menjelaskan bahawa institusi keluarga yang kukuh amat penting dalam mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035, khususnya Matlamat Kedua iaitu Kualiti Kehidupan Yang Tinggi, di mana memperkasakan keluarga yang penyayang, kukuh dan berdaya tahan telah dikenal pasti sebagai Aspirasi 2 di bawah Social Blueprint. Ini menekankan pentingnya institusi keluarga sebagai salah satu teras utama dalam membentuk masyarakat yang sejahtera.

"Kita hendaklah berusaha untuk mengukuhkan institusi keluarga dan memastikan kesejahteraan keluarga kekal sebagai teras dalam perancangan pembangunan mampan negara," tegas Yang Berhormat.

Dalam perutusan tersebut, Yang Berhormat juga menyentuh tentang realiti

kehidupan moden yang semakin mencabar dan kompleks, dengan isu sosial dan tekanan ekonomi.

"Dengan keluargalah kita sebagai seorang individu mempunyai sokongan, dan bersama keluarga kita merasai setiap detik suka dan duka," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menegaskan bahawa institusi keluarga merupakan landasan utama pembentukan identiti, nilai dan jati diri seseorang individu. Di NBD, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesejahteraan keluarga. Salah satu inisiatif utama ialah melalui Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) yang disambut setiap tahun pada Ahad pertama bulan Mei sejak 2012.

Pada tahun 2025, sambutan diadakan pada 4 Mei dengan tema 'Keluargaku Harapanku' dan fokus kepada penerapan nilai-nilai teras kekeluargaan Brunei : Sayang-menyayangi; Tanggungjawab; Hormat-menghormati; dan Pemedulian.

Pada tahun ini jua Pelan Tindakan Institusi Keluarga (2025-2029) akan dilancarkan dan Pelan ini akan mengetengahkan strategi dan program Whole of Nation untuk menunjuk budaya kekeluargaan, menambah baik sokongan jaminan sosial yang lebih mampan, dan memperkenalkan konsep kedayatahan keluarga (*family resilience*), khususnya bagi golongan berisiko.

Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat kita ambil disini, keluarga ialah asas yang paling penting dalam kehidupan manusia. Keluarga bukan sahaja tempat berlindung tetapi juga tempat kita belajar menjadi insan yang baik. Dalam keluarga yang bahagia, akan lahir anak-anak yang bertanggungjawab, berakhlak dan penyayang. Oleh itu, setiap ahli keluarga perlu berusaha untuk menjaga dalam mengeratkan hubungan keluarga supaya hidup lebih bermakna dan masyarakat menjadi lebih harmoni.



5 JURNALIS NBD SERTAI PROGRAM INTENSIF DI BRUSSELS

Siaran Akhbar dan Foto : European Union-Brunei Darussalam Partnership Facility



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Mei. - Seramai lima jurnalis dari Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengikuti Program Intensif selama lima hari bermula 12 hingga 16 Mei 2025 di Brussels disokong oleh European Union (EU) - Brunei Darussalam Partnership Facility.

Program Intensif ini menandakan satu pencapaian penting dalam memupuk kerjasama media dan persefahaman bersama antara EU dan NBD.

Inisiatif ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan EU dan NBD dengan memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang institusi, dasar dan warisan budaya EU, sambil mempromosikan dialog mengenai peranan media dalam menangani cabaran global.

Para jurnalis yang mewakili

dari lima organisasi media sektor awam dan swasta ini telah mengambil bahagian dalam mesyuarat peringkat tinggi dengan institusi EU utama, termasuk the European External Action Service (EEAS), the European Commission dan the European Parliament serta pertubuhan masyarakat sivil.

Program ini juga memberikan pandangan mendalam tentang bidang dasar penting seperti pembangunan mampan dan tindakan iklim, termasuk perbincangan mengenai *the EU's deforestation law and plastic treaty*, transformasi digital, kebebasan media dan peranan kewartawanan dalam menangani cabaran global.

Para peserta juga mengambil bahagian dalam lawatan kebudayaan ke mercu tanda ikonik Brussels seperti House

LIMA jurnalis dari Negara Brunei Darussalam semasa sesi bergambar ramai pada Program Intensif selama lima hari bermula 12 hingga 16 Mei 2025 di Brussels disokong oleh European Union (EU) - Brunei Darussalam Partnership Facility (atas). Manakala gambar atas kiri, para peserta berkesempatan untuk membuat lawatan pada program berkenaan.

of European History dan Parlamentarium Museum, memperkayakan pemahaman mereka tentang warisan dan nilai Eropah.

Pada hari terakhir, para peserta juga berpeluang bertemu dengan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Belgium dan Misi ke Kesatuan Eropah, Tuan Yang Terutama Haji Adnan bin Haji Mohd. Ja'afar untuk bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman mereka dalam lawatan tersebut.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak EU ke Indonesia dan NBD, TYT Denis Chaibi berkata bahawa adalah satu penghormatan dan satu keistimewaan untuk mengalu-

alukan sekumpulan wartawan berbakat dari NBD di Brussels.

"Seperti kata pepatah, persahabatan adalah satu pengetahuan yang suci dan perjalanan ke arah pengertian itu bermula dengan saling menziarahi dan berkongsi pandangan masing-masing, agar EU dan NBD dapat bekerjasama ke arah menjadi rakan kongsi yang lebih rapat," tambahnya lagi.

Seterusnya, Kaunselor Kanan Hal Ehwal Parlimen bagi Delegasi EU, Antoine Ripoll pula berkata bahawa adalah satu keistimewaan untuk menjadi tuan rumah kepada sekumpulan jurnalis dari NBD di institusi-institusi EU minggu ini.

"Saling belajar dalam semangat saling menghormati dan bertukar pandangan tentang cara memperdalam hubungan antara Eropah dan Asia Tenggara, sama ada dari segi politik mahupun hubungan antara rakyat, tidak pernah sepenting ini. Kami berharap lawatan sambil belajar ini akan diikuti oleh banyak lagi lawatan seumpamanya dari kedua-dua pihak," ujarnya.

Memandangkan NBD adalah the Country Coordinator bagi Hubungan Dialog ASEAN-EU, lawatan itu diharap dapat mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman jurnalis tentang dasar dan mekanisme EU serta peranan NBD dalam memupuk dialog dan perkongsian di rantau ini.

ALAI PINTAR 149

SOALAN 21 MEI 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Apakah kata seerti bagi 'angka'?
 - Nombor
 - Huruf
 - Tarikh
- Apakah tajuk lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam?
 - Allah Peliharakan Sultan
 - Brunei Tanah Airku
 - Allah Lanjutkan Usia Brunei
- 2 hari bersamaan dengan _____ jam.
 - 24 jam
 - 12 jam
 - 48 jam

TARIKH TUTUP : 17 JUN 2025

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 148 :

Nama : Ak Aqil Nabhan Khir
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0145867-01. Sekolah : Sekolah Rendah Mulaut

Nama : Aufa Nur Husna binti Mohamad Alim
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0139530-01. Sekolah : Sekolah Bright Jigsaw

Nama : Nursyasha Aideliya Fitriyanna binti Md Zaki
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0128628-01. Sekolah : Sekolah Rendah Bendahara Lama

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 148

- B - Bapa
- C - 0
- A - Menerima Rasuah

DUA PENDAKI MAUT DI GUNUNG LHOTSE, HIMALAYA

NEW DELHI, 20 Mei. - Dua pendaki maut di Gunung Lhotse, yang terletak berhampiran Gunung Everest banjaran Himalaya, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Seorang lelaki warga Romania berusia 48 tahun dikenali sebagai Barna Zsolt Vago, dilaporkan meninggal dunia pada 18 Mei ketika mendaki gunung keempat tertinggi di dunia itu.

Menurut Jabatan Pelancongan Nepal, Vago meninggal dunia berhampiran Lhotse Couloir, kawasan curam yang terletak lebih 8,000 meter dari aras laut.

Vago menyertai ekspedisi anjuran Himalayan Guides Nepal

Treks and Expedition dan mendaki tanpa menggunakan sebarang alat bantuan oksigen, menurut kenyataan jabatan itu.

Akhbar The Himalayan Times melaporkan Vago merupakan jurukamera berpengalaman yang bekerja dengan stesen televisyen Romania.

Sementara itu, pengendali pelancongan Makalu Adventure memaklumkan seorang lagi pendaki, lelaki warga India berusia 39 tahun, Rakesh Bishnoi dari Rajasthan meninggal dunia pada Ahad ketika menuruni Lhotse setinggi 8,516 meter.

Menurut Pengarah Urusan

Makalu Adventure Mohan Lamsal, Bishnoi meninggal dunia berhampiran formasi batu Yellow Band ketika menuruni gunung selepas berjaya sampai ke puncak.

Sebelum ini dia pernah membatalkan cubaan mendaki Gunung Everest.

"Bishnoi masih bercakap dan kelihatan sihat sebelum tiba-tiba duduk dan tidak lagi bergerak. Kami menghantar pasukan bantuan tetapi dia telah pun meninggal dunia," kata Lamsal kepada dpa.

Dalam tempoh beberapa hari kebelakangan ini, seorang lagi

pendaki dari India dan seorang dari Filipina turut dilaporkan maut di Gunung Everest setinggi 8,849 meter. - ©BERNAMA



Enam dikhuatiri tertimbus selepas tanah runtuh di Jawa Timur

JAKARTA, 20 Mei. - Seramai enam orang dikhuatiri tertimbus selepas kejadian tanah runtuh melanda daerah Trenggalek di Jawa Timur ekoran hujan lebat lebih sejam, menurut pegawai tempatan pada Selasa.

Insiden berlaku di Kampung Depok, mukim Bendungan sekitar 4 petang waktu tempatan pada Isnin, membabitkan kira-kira 30 penduduk daripada 10 keluarga.

Menurut Agensi Pengurusan Bencana Daerah (BPBD) Trenggalek, 10 buah rumah terjejas termasuk tiga yang musnah sepenuhnya.

"Tanah runtuh turut menghalang laluan utama ke kampung berkenaan, sekali gus menyukarkan operasi menyelamatkan dan penghantaran bantuan," menurut kenyataan agensi itu.

Pasukan mencari dan menyelamatkan daripada agensi bencana daerah dan wilayah, dibantu sukarelawan komuniti dikerah pada pagi Selasa bagi mencari mangsa yang hilang.

Namun, keadaan hujan berterusan serta bentuk muka bumi yang mencabar menyukarkan usaha itu.

Pihak berkuasa masih menilai tahap kerosakan keseluruhan dan menggesa penduduk yang tinggal di kawasan berbukit atau kawasan yang terdedah kepada tanah runtuh supaya berpindah, memandangkan terdapat kemungkinan kejadian berulang, menurut BPBD. - ©BERNAMA

Calon pro-Eropah Nicusor Dan menang pilihan raya Presiden Romania - Laporan

BUCHAREST, 19 Mei. - Calon pro-Eropah, Nicusor Dan dijangka menjadi Presiden baharu Romania selepas hampir semua undian yang dikira setakat awal pagi Isnin menunjukkan beliau mendahului pencabarnya dari parti sayap kanan, George Simion, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Dengan lebih 99 peratus undian dari pusat pengundian dikira, pihak berkuasa pilihan raya di Bucharest memaklumkan bahawa Dan memperoleh kira-kira 54.1 peratus undi, manakala Simion ketinggalan dengan sekitar 45.9 peratus.

"Akan tiba satu tempoh yang sukar selepas ini, yang diperlukan untuk mengimbangi semula ekonomi demi membina asas masyarakat yang sihat. Saya mohon agar anda semua teruskan harapan dan kesabaran," kata Dan kepada para penyokongnya.

Terdahulu, Simion mengisytiharkan dirinya sebagai pemenang, walaupun kiraan rasmi belum dimuktamadkan dan bertentangan dengan unjuran awal. - ©BERNAMA

Perhimpunan tahunan WHO bermula, perjanjian pandemik jadi tumpuan

GENEVA, 19 Mei. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memulakan Perhimpunan Kesihatan Sedunia tahunannya di Geneva pada Isnin, dengan fokus utama terhadap penerimaan rasmi perjanjian antarabangsa mengenai pandemik.

Perjanjian itu dirangka dalam tempoh singkat susulan pengajaran yang diperoleh daripada pandemik COVID-19.

Ia bertujuan mengelakkan kekalutan seperti perebutan bekalan perubatan di peringkat global dan memastikan agihan vaksin yang lebih adil semasa krisis kesihatan pada masa akan datang.

Perjanjian itu dijadual diterima pakai secara rasmi pada Selasa.

Namun, beberapa isu penting masih belum dimuktamadkan dan dijangka dirunding secara berasingan dalam tempoh setahun akan datang, sebagai sebahagian daripada lampiran kepada perjanjian itu.

Antaranya termasuk mekanisme bagi pengeluaran vaksin mendapatkan patogen yang berpotensi mencetuskan pandemik, serta bentuk balasan yang patut diberikan kepada negara yang membekalkan bahan itu.

Perhimpunan Kesihatan Sedunia menghimpunkan para delegasi daripada 194 negara anggota WHO dan berfungsi sebagai badan pembuat keputusan utama bagi organisasi itu.

WHO kini berada di persimpangan penting selepas Amerika Syarikat, penyumbang dana terbesar agensi itu ketika ini mengumumkan akan menarik diri pada awal 2026.

Tindakan berkenaan dijangka menjejaskan hampir satu perlima daripada bajet keseluruhan badan kesihatan PBB itu.

Sebagai langkah tindak balas, WHO mengumumkan langkah penjimatan besar-besaran, termasuk pengurangan tenaga kerja. - ©BERNAMA

Kes COVID-19 di Thailand berganda, Bangkok catat lebih 6,000 jangkitan

BANGKOK, 20 Mei. - Kes COVID-19 di Thailand meningkat kepada 33,030 minggu lalu, dengan lebih 6,000 kes dilaporkan di Bangkok, menurut Jabatan Kawalan Penyakit Thailand.

Jabatan itu memaklumkan bahawa kes dicatat antara 11 hingga 17 Mei adalah lebih dua kali ganda berbanding 16,000 kes yang

direkodkan pada minggu sebelumnya.

Daripada jumlah itu, seramai 1,918 individu dimasukkan ke hospital, manakala dua kematian direkodkan masing-masing di wilayah Sukhothai dan Kanchanaburi, menurut media tempatan.

Bangkok mencatat jumlah kes tertinggi iaitu 6,290, diikuti Chon Buri (2,573), Rayong

(1,680), Nonthaburi (1,482), dan Samut Prakan (1,442).

Kebanyakan jangkitan melibatkan individu berumur antara 30 hingga 39 tahun.

Orang ramai dinasihatkan supaya memakai pelitup muka dan menjalani ujian sendiri (kit ATK) sekiranya mengalami gejala seperti demam, batuk, sakit tekak atau keletihan. - ©BERNAMA

Mesir dapatkan semula 21 artifak purba yang diseludup dari Australia

KAHERAH, 19 Mei. - Mesir berjaya mendapatkan semula 21 artifak purba yang diseludup secara haram dari Australia, menurut Kementerian Luar Mesir pada Ahad, lapor Xinhua.

Dengan kerjasama pihak berkuasa Australia, misi diplomatik Mesir di Canberra dan Sydney berjaya memperoleh semula 21 artifak yang dipamerkan di sebuah agensi lelongan, kata Kementerian Luar Mesir dalam satu kenyataan.

Kementerian itu menyatakan bahawa pemulangan artifak itu

bertepatan dengan ulang tahun ke-75 hubungan diplomatik Mesir-Australia, menyerlahkan kerjasama kedua-dua pihak dalam melindungi warisan budaya dan membanteras penyeludupan artifak purba.

Menurut kementerian itu, Mesir telah berusaha keras untuk memelihara warisan negara dengan pihaknya memainkan peranan penting dalam mendapatkan semula artifak yang diseludup melalui kerjasama dengan Kementerian Pelancongan

dan Antikuiti serta Majlis Tertinggi Antikuiti.

Mesir telah mempergiatkan kempen globalnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk mendapatkan semula artifak yang dicuri dan diseludup.

Pada Isnin, negara itu mengumumkan kejayaan memperoleh semula 25 artifak yang mempunyai nilai sejarah dan seni yang tinggi, merangkumi pelbagai zaman tamadun purba Mesir, dari Amerika Syarikat. - ©BERNAMA

AS pertimbang tarif berasaskan wilayah menjelang tarikh akhir

WASHINGTON, 19 Mei. - Amerika Syarikat (AS) berkemungkinan memperkenalkan tarif berdasarkan wilayah berbanding tarif yang ditetapkan secara khusus untuk setiap negara secara berasingan, kata Setiausaha Perbendaharaan Scott Bessent pada Ahad.

Bessent berkata pentadbiran Presiden Donald Trump kini berusaha memeterai perjanjian dengan beberapa rakan dagang utama mengenai tarif timbal balik yang diumumkan pada April lalu, lapor agensi berita Kyodo.

Ketika muncul dalam program CNN, Bessent berkata beliau menjangkakan pentadbiran akan "melaksanakan banyak perjanjian serantau".

"Ini kadar untuk Amerika Tengah, ini kadar untuk bahagian Afrika tertentu, tetapi tumpuan utama kami ketika ini adalah 18 hubungan perdagangan penting," kata

Bessent, apabila ditanya mengenai bilangan perjanjian yang dijangka diumumkan pentadbiran dalam beberapa minggu akan datang.

Kenyataan Bessent muncul selepas Trump pada Jumaat lalu mengumumkan pentadbirannya akan menghantar surat kepada beberapa negara dalam tempoh dua hingga tiga minggu akan datang bagi memaklumkan jumlah yang perlu dibayar untuk berdagang dengan AS.

Di bawah dasar tarif timbal balik itu, Trump mengenakan tarif asas sebanyak 10 peratus terhadap hampir semua negara di dunia dan tambahan tarif khusus lebih tinggi kepada kira-kira 60 rakan dagang utama yang mempunyai lebihan perdagangan dengan AS.

Trump menengguhkan pelaksanaan tarif selama 90 hari sehingga awal Julai bagi membolehkan rundingan, namun

pegawainya menghadapi kesukaran mencapai kemajuan bagi pelbagai perjanjian dalam tempoh singkat tersebut.

Negara seperti India, Jepun dan Korea Selatan dipercayai termasuk dalam 18 rakan dagang utama itu kerana mereka mengadakan rundingan dengan pentadbiran Trump sejak penangguhan diumumkan beberapa jam selepas tarif itu berkuat kuasa pada 9 April.

Selain daripada 18 negara itu, Bessent berkata terdapat "kira-kira 20 lagi hubungan perdagangan yang kukuh".

Dalam satu lagi temu bual menerusi program "Meet the Press" di NBC pada Ahad, Bessent berkata, "Leveraj rundingan yang disebut Presiden Trump di sini ialah jika anda tidak mahu berunding, tarif akan kembali kepada tahap 2 April". - ©BERNAMA



PERLUMBAAN PERAHU NAGA: PASUKAN LELA CETERIA RAIH TEMPAT KETIGA



PASUKAN Lela Ceteria dari Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa sesi bergambar ramai pada Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa anjuran Persekutuan Persatuan Cina Sabah (FCAS) yang berlangsung di Teluk Likas, Sabah.

memperluas jaringan kerjasama antara negara jiran.

Acara tahunan tersebut yang menjadi tumpuan dalam kalendar pelancongan Sabah turut menarik penyertaan ramai dan sambutan hangat daripada masyarakat tempatan dan pelancong asing.

Pasukan Lela Ceteria menyifatkan penyertaan dan kejayaan tersebut sebagai pengalaman berharga yang akan terus memotivasikan mereka dalam sukan air kompetitif di peringkat antarabangsa.

■ Berita dan Foto : Ihsan Rafeyussof

SABAH, Isnin, 19 Mei. - Pasukan Lela Ceteria dari Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya meraih tempat ketiga bagi Kategori Master 45 tahun ke atas dalam Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa anjuran

Persekutuan Persatuan Cina Sabah (FCAS) yang berlangsung di Teluk Likas, Sabah.

Pencapaian berkenaan merupakan kejayaan membanggakan bagi pasukan NBD yang bersaing dalam

kategori antarabangsa bersama pelbagai pasukan dari dalam dan luar negara yang bertanding di pusingan akhir. Selain itu Pasukan Lela Ceteria juga menempah masuk ke peringkat akhir acara 12 pekayuh terbuka antarabangsa dan 20 pekayuh terbuka antarabangsa.

Penyertaan pasukan itu dalam Kategori Master 45 tahun merupakan yang julung kalinya diadakan dan ianya bukan sahaja memperkukuh hubungan serantau melalui sukan dan budaya, malah menjadi medan penting dalam memupuk semangat kesukanan serta

Hanis Hidayatullah johan Piala Pusingan Tegball Peringkat Sekolah Menengah



PEGAWAI Pelajaran Kanan merangkap Ketua Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum turut hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah berkenaan dan seterusnya bergambar ramai bersama para pemenang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Mei. - Piala Pusingan Tegball Peringkat Sekolah Menengah 2025 telah berlangsung baru-baru ini di Dewan Serbaguna, Kompleks Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kejohanan

ini

mempertandingkan kategori Perseorangan Lelaki dan telah menghimpunkan para pelajar dari enam buah sekolah menengah di seluruh daerah. Acara ini dianjurkan bagi menggalakkan penglibatan belia dalam sukan Tegball yang semakin berkembang, dengan sokongan

daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara ini ialah Pegawai Pelajaran Kanan, Sukardi bin Kaderi, merangkap Ketua

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Tegball Brunei Darussalam

Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum yang turut menyaksikan perlawanan penentuan tempat ketiga dan perlawanan akhir, serta menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah bersama Presiden Persatuan Tegball Brunei Darussalam, Mohammad Shukri bin Haji Damit.

Johan pertandingan disandang oleh Md. Hanis Hidayatullah bin Abdullah dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Dalam perlawanan akhir, Md. Hanis Hidayatullah menunjukkan aksi cemerlang dengan menewaskan Mohd. Akmal Amirul Syazlan bin Mohd. Sairual Rizal dari Sekolah Sukan dengan keputusan 12-6 dan 12-7. Bagi perebutan tempat ketiga, Md. Nurizmawi bin Md. Rizal dari Sekolah Menengah Katok berjaya menewaskan Muhammad Azri Haikal bin Hamdilah dari Sekolah Sukan dengan kemenangan 12-3 dan 12-8.

Sekolah-sekolah yang menyertai kejohanan ini ialah Sekolah Menengah Katok, Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Haji Abu Bakar, Sekolah Menengah Rimba, Sekolah Sukan, dan Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja.

Kejohanan ini turut menerima tajaan daripada Potato Habit, Superwater Marketing Sdn. Bhd. selaku pendedar Rainfresh Water, dan Hui Huang Enterprise selaku pendedar minuman sukan YOUNG1000.

Pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sekolah yang terlibat, agensi-agensi kerajaan yang memberikan sokongan serta para penaja atas kerjasama mereka dalam memartabatkan sukan Tegball sebagai sukan baharu yang semakin mendapat tempat di Negara Brunei Darussalam.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MALU BERPERANAN SEBAGAI PERISAI IMAN